



30  
TAHUN

JALINAN HARAPAN

# MEMBANGUN KEHIDUPAN



# Laporan Tahunan

# LZS2024



Tahun 2024 melakar sejarah penting buat Lembaga Zakat Selangor (LZS) apabila genap 30 tahun penubuhannya. Bertemakan "Jalinan Harapan, Membangun Kehidupan", laporan ini menghimpunkan data prestasi kutipan dan agihan zakat sepanjang tahun, serta pencapaian strategik dalam usaha memperkuat sistem pengurusan zakat yang telus dan efisien.

Laporan ini juga menjadi cerminan perjalanan tiga dekad LZS dalam menyantuni ummah, membuktikan bahawa kesatuan dan amanah umat Islam mampu membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat. Semoga laporan ini terus menyemarakkan semangat untuk berkongsi dan memberi, demi kesejahteraan bersama.

# Isi Kandungan

Laporan Tahunan Lzs 2024 —

|  |           |
|--|-----------|
| Laman Utama  | 02 - 55   |
| Sumbangan Kami Kepada Perubahan                          | 56 - 88   |
| Kutipan Demi Perubahan                                   | 89 - 107  |
| Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus (ESG)                 | 108 - 112 |
| Kerjasama Strategik & <i>Creating Shared Value (CSV)</i> | 113 - 120 |
| Soroton Tahunan 2024 & Perancangan Masa Depan            | 121 - 130 |
| Penyata Kutipan & Agihan 2024                            | 131       |



Laporan Tahunan  
LZS 2024



# Hasil Amanah, Impak Berpanjangan

**RM 1.22 B**

**Kutipan Zakat**

Jumlah Kutipan Zakat 2024

**380,000+**

**Jumlah Muzzaki**

**RM 1.19 B**

**Agihan Zakat**

Jumlah Agihan Zakat 2024

Amanah yang disalurkan menjadi harapan dan titik perubahan buat mereka yang memerlukan. Terima kasih kerana bersama kami mencipta impak yang berterusan. Sedikit bagi anda, segalanya buat mereka.

# Kenali Lzs

Lzs ditubuhkan 30 tahun yang lalu dengan misi untuk menguruskan kutipan dan pengagihan zakat kepada asnaf di Selangor dengan efisien dan berkesan mengikut syariat Islam.

Sepanjang tiga dekad yang lalu, Lzs telah berkembang menjadi salah satu institusi zakat terkemuka di Malaysia, dengan sokongan lebih 600 amil yang berdedikasi dan 19 cawangan di seluruh negeri Selangor. Sejak penubuhannya, Lzs telah berjaya mengumpul dan mengagihkan lebih RM11 bilion zakat, memberi manfaat kepada ratusan ribu individu dan keluarga yang memerlukan.

Di Lzs, kami sentiasa berusaha dengan penuh integriti dan dedikasi dalam pengurusan zakat.

Kami memahami bahawa setiap sen yang disumbangkan membawa harapan besar kepada mereka yang memerlukan. Dari pembinaan rumah yang memberikan perlindungan hingga bantuan pendidikan yang membuka peluang masa depan, kami komited untuk memastikan golongan asnaf diberi peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka. Setiap tahun, kami dengan rendah hati menilai semula usaha kami, berusaha untuk lebih memahami cabaran yang dihadapi masyarakat agar bantuan yang disalurkan terus relevan dan membawa perubahan yang bermakna.



# Peranan Kami

Di Lzs, kami menjalankan pelbagai program dan inisiatif untuk menyokong golongan asnaf dan memajukan komuniti. Program kami meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuk pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan pendidikan, pembangunan institusi agama dan pembangunan insan.



## Pembangunan Sosial

Menyediakan bantuan kepada keluarga asnaf untuk menampung kos sara hidup dan kesihatan

## Pembangunan Pendidikan

Memberikan biasiswa dan bantuan yuran pengajian kepada pelajar dari keluarga kurang berkemampuan

## Pembangunan Institusi Agama

Membina dan membaik pulih masjid dan surau untuk memastikan kemudahan ibadah yang selesa dan kondusif

## Pembangunan Ekonomi

Membantu golongan asnaf memulakan perniagaan kecil dan memberikan latihan kemahiran untuk meningkatkan pendapatan mereka

## Pembangunan Insan

Memberikan tumpuan kepada memperkasa kesejahteraan fizikal, mental dan spiritual golongan asnaf

# Perutusan Pengerusi & Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif





# Perutusan Pengerusi

## Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail

(D.K. II (Selangor), P.S.M., S.S.I.S., S.P.M.P., S.S.P.J.)  
**Pengerusi, Lembaga Zakat Selangor**

**Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh,**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga baginda, serta para sahabat yang sentiasa mengiringi perjuangan baginda.

Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T, tahun 2024 menandakan ulang tahun ke-30 penubuhan LZS. Sambutan Jubli Mutiara 30 Tahun (JM30) yang bertemakan “Jalinan Harapan, Membangun Kehidupan” merupakan simbol komitmen berterusan kami dalam memperkuuh perkhidmatan kutipan dan agihan zakat demi kesejahteraan umat Islam di Selangor.

Kejayaan yang dicapai sepanjang tiga dekad ini tidak akan terlaksana tanpa sokongan dan kepercayaan para muzakki yang istiqamah menunaikan zakat melalui LZS. Sesungguhnya, setiap sumbangan yang diberikan menjadi pemangkin kepada perubahan hidup ribuan asnaf, sekali gus mencerminkan peranan besar para muzakki dalam membina masyarakat yang lebih sejahtera dan berkat.

LZS akan terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah institusi zakat yang diyakini, menepati piawaian pengurusan zakat bertaraf global, dan berperanan sebagai tonggak utama dalam membela nasib golongan yang memerlukan.



## Pencapaian dan Prestasi 2024

Kami amat bersyukur kerana dengan amanah yang diberikan kepada kami sebagai pengelola zakat, Lzs terus berusaha untuk meningkatkan pengurusan zakat dengan penuh integriti dan profesionalisme. Pada tahun 2024, kami telah berjaya membantu lebih **370,000 asnaf** dengan jumlah agihan zakat sebanyak **RM1.19 bilion**.

Selain itu, kutipan zakat pada tahun 2024 mencecah **RM1.22 bilion**, sekaligus mengekalkan pencapaian kutipan dan agihan zakat lebih daripada RM1 bilion untuk tahun ketiga berturut-turut. Pencapaian ini menunjukkan kestabilan dan keberkesanan pengurusan zakat oleh Lzs sejak tahun 2022, apabila kutipan sebanyak **RM1.07 bilion** dan agihan sebanyak **RM1.05 bilion** dicatatkan. Tahun berikutnya, pada 2023, kutipan dan agihan bertambah kepada **RM1.12 bilion** dan **RM1.15 bilion**.

**Terima kasih** diucapkan kepada seluruh pengeluar zakat yang telah menunaikan kewajipan mereka melalui Lzs. Dengan sokongan anda, kami dapat meringankan beban golongan asnaf dan memastikan kelangsungan hidup mereka. Sesungguhnya, **sedikit bagi anda, segalanya buat mereka.**

## Cabar dan Penyelesaian

Walaupun kami berbangga dengan pencapaian yang telah diraih, kami juga menyedari bahawa pengurusan zakat sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Salah satu cabaran utama adalah memastikan bantuan zakat sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan, terutamanya dalam mengatasi kesukaran untuk mengenal pasti asnaf yang layak dalam golongan yang terpinggir dan tersembunyi. Oleh itu, Lzs sentiasa berusaha memperbaiki sistem dan prosedur pengagihan zakat, dengan memperkenalkan teknologi dan pendekatan yang lebih efisien dalam penyaluran bantuan.

Di samping itu, kami juga terus berusaha untuk memperkasakan sistem semakan dan pemantauan agar bantuan zakat dapat sampai dengan cepat dan tepat. Kami sedar bahawa kepercayaan rakyat terhadap pengurusan zakat adalah amat penting. Oleh itu, kami komited untuk memastikan ketelusan dalam setiap langkah yang diambil. Dalam usaha mengatasi cabaran ini, kami turut mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak, terutamanya pengeluar zakat dan agensi kerajaan yang berkaitan, untuk memastikan setiap sen zakat digunakan dengan sebaik-baiknya bagi mencapai matlamat membantu asnaf dan meningkatkan kesejahteraan mereka.

## Visi dan Harapan Masa Depan

Untuk memastikan keberkesanan dan ketelusan dalam pengurusan zakat di negeri Selangor, Lzs mensasarkan beberapa matlamat, antaranya:

1. **Meningkatkan capaian terhadap asnaf melebihi 50%** daripada asnaf sedia ada termasuklah capaian kepada golongan rentan iaitu keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang RM6,000 sebulan
  2. **Mengeluarkan** 15,000 keluarga/individu asnaf daripada belenggu kemiskinan
  3. **Meningkat kemahiran asnaf** supaya mereka lebih berdikari dan mencapai kualiti hidup yang lebih baik, selaras dengan wawasan jangka panjang LZS melalui program pembangunan asnaf
  4. **LZS menjadi jenama *Top of Mind*** dan dikenali sebagai Jenama Terunggul dikalangan Masyarakat

# Penutup

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengeluar zakat, dermawan dan rakan-rakan strategik kami yang terus memberi sokongan padu terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh LZS. Kepercayaan dan kerjasama yang diberikan merupakan sumber kekuatan bagi kami untuk terus maju dalam memperbaiki kehidupan asnaf di Selangor.

Kami juga ingin menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga kerja Lzs yang sentiasa berdedikasi dalam melaksanakan amanah yang dipegang dengan penuh tanggungjawab. Tanpa kerjasama dan komitmen mereka, kejayaan yang diraih sepanjang 30 tahun penubuhan Lzs tidak akan tercapai.

Semoga setiap usaha yang dilakukan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan memberi manfaat yang berkekalan kepada umat Islam, khususnya golongan yang memerlukan. Dengan sokongan semua pihak, kami yakin bahawa LZS akan terus berkembang dan berperanan dalam mencipta masyarakat yang lebih sejahtera dan bermaruah, seiring dengan visi untuk membangun kehidupan yang lebih baik bagi generasi akan datang.

Akhir kata, saya mendoakan semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya, serta diberikan kekuatan untuk terus berkhidmat dalam jalan yang diberkati. Semoga Allah S.W.T. sentiasa mempermudahkan segala urusan kita dalam menjalankan amanah ini.

Sekian,

**Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

# **Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**

## **Pengerusi, Lembaga Zakat Selangor**



# Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

**Tuan Haji Mohd Sabirin Mohd Sarbini**

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, Lzs berjaya menutup tirai tahun 2024 dengan penuh makna sempena sambutan Jubli Mutiara 30 Tahun penubuhannya. Tahun ini bukan sahaja menandakan perjalanan tiga dekad Lzs dalam mengurus dan mengagih zakat, tetapi juga menjadi detik penting yang memperkuuh komitmen kami untuk terus menyantuni ummah secara holistik dan lestari.

Tahun 2024 mencatatkan jumlah kutipan zakat sebanyak **RM1.22 bilion**, manakala

jumlah agihan pula mencecah **RM1.19 bilion**, mencerminkan kepercayaan tinggi masyarakat Islam di Selangor terhadap kecekapan dan integriti pengurusan zakat oleh Lzs. Ini juga adalah pencapaian tertinggi dalam sejarah Lzs, hasil kerjasama erat antara warga kerja, pengeluar zakat dan pemegang taruh.

Dari segi agihan, keutamaan diberikan kepada keperluan asas asnaf fakir, miskin dan mualaf, dengan **lebih 370,000 asnaf disantuni sepanjang tahun**.



Sepanjang tahun 2024, seramai **73,511 keluarga asnaf fakir** dan miskin serta **4,361 keluarga mualaf** telah disantuni oleh Lzs. Daripada jumlah tersebut, lebih **13,000 keluarga** merupakan asnaf baharu yang telah dikenal pasti dan didaftarkan sepanjang tahun ini. Dapatan juga menunjukkan bahawa lebih 61% daripada keluarga asnaf fakir dan miskin di Selangor merupakan penduduk bandar, terutamanya yang menetap di empat daerah utama iaitu Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak.



Pencapaian yang amat membanggakan turut direkodkan apabila lebih 4,000 penerima berjaya keluar daripada kategori asnaf setelah melepas haddul kifayah, hasil intervensi berfokus melalui program pembangunan diri, keusahawanan, kerjaya dan pendidikan peringkat tinggi yang dilaksanakan oleh pihak Lzs.

Sepanjang tahun 2024, dalam merayakan JM30, kami telah melaksanakan pelbagai program strategik untuk memperkenalkan pencapaian Lzs kepada masyarakat serta meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya menunaikan kewajipan zakat. Dengan tema “Jalinan Harapan, Membangun Kehidupan”, program-program yang kami jalankan tidak hanya bertujuan untuk meraikan pencapaian kami, tetapi juga untuk mempererat hubungan dengan komuniti setempat, menggalakkan partisipasi masyarakat dan memperkenalkan inovasi terkini dalam pengurusan zakat.

Antara program utama yang telah dilaksanakan termasuklah:

**Karnival Zakat:** Karnival ini diadakan di perkarangan Stadium Shah Alam dengan tujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan Lzs melalui aktiviti-aktiviti yang menarik seperti pendidikan, pertandingan sukan, *fun run*, Karnival Kerjaya dan pameran berkaitan zakat. Ia juga menjadi *platform* untuk menerangkan kepada orang ramai tentang manfaat zakat dan cara-cara mudah untuk menunaikan kewajipan zakat melalui pelbagai saluran.

**Pameran JM30:** Sebagai satu *platform* yang mempamerkan sejarah dan pencapaian Lzs sepanjang 30 tahun penubuhannya, Pameran JM30 telah diadakan di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam memberikan peluang kepada orang ramai untuk lebih memahami perjalanan Lzs, serta inisiatif dan program yang telah dilaksanakan untuk membantu golongan asnaf sepanjang 30 tahun penubuhan Lzs. Pameran ini turut mengetengahkan pencapaian dan teknologi terbaru dalam pengurusan zakat.



**Forum Perdana Ehwal Islam JM30:** Forum Perdana ini menampilkan panel-panel pakar dan ulama yang membincangkan isu-isu semasa mengenai zakat, kewajipan sosial, serta bagaimana zakat boleh membantu pembangunan masyarakat.



Selain daripada itu, LZS juga telah melaksanakan **kempen kesedaran digital** dan **program pendidikan zakat** di sekolah-sekolah dan universiti, dengan harapan dapat melahirkan generasi muda yang lebih cakna mengenai tanggungjawab sosial mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat yang berkemampuan. Program-program ini juga diharap dapat menambah baik pemahaman mereka terhadap pengurusan zakat dan memperkasakan mereka untuk turut serta dalam usaha besar ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Kerajaan Negeri Selangor, para pengeluar zakat, serta seluruh rakyat Selangor atas sokongan padu yang diberikan. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada barisan kakitangan LZS yang terus cekal dan berintegriti dalam menggalas amanah ini.

Insya-Allah, LZS akan terus memperkuuh sistem pengurusan zakat agar lebih telus, berimpak dan menyeluruh demi menjadikan zakat sebagai instrumen utama membina masyarakat sejahtera dan diberkati Allah SWT.

**Sekian,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

**Tuan Haji Mohd Sabirin Mohd Sarbini**

*Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor*



# Visi, Misi & Objektif

## Visi

Menjadi peneraju institusi zakat yang mengamalkan piawaian pengurusan setanding dengan peringkat global.

## Misi

Memberi perkhidmatan kepada umat Islam dengan penuh integriti dan profesionalisme dalam urusan kutipan dan agihan zakat.

## Objektif

Memaksimumkan Kutipan Zakat

Memperkasakan Pengurusan Zakat

Meningkatkan Keberkesanan Agihan zakat

# Agensi di bawah MAIS

LZS merupakan sebuah institusi di bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang dipertanggungjawabkan untuk membuat aktiviti kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor.



# Profil Lembaga Pemegang Amanah





# Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail

(D.K. II (Selangor), P.S.M., S.S.I.S.,  
S.P.M.P., S.S.P.J.)

Pengerusi Lembaga Zakat  
Selangor

## Kelayakan Akademik:

- Sarjana Muda Sastera (Perakaunan), Macquarie University, Sydney, Australia
- Akauntan Bertauliah
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli, Certified Practising Accountant (CPA), Australia
- Ahli Kehormat Emeritus Fellows, Institut Pengurusan Malaysia (MIM)

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Pengerusi, Kenanga Investment Bank Berhad
- Pengerusi, SP Setia Berhad
- Canselor, SEGi University Bumiputera

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Pengerusi, Malaysia Airports Holdings Berhad
- Pengerusi, Malakoff Corporation Berhad
- Pengerusi Bukan Eksekutif, Cahya Mata Sarawak Berhad
- Pengerusi, Media Prima Berhad
- Pengerusi, MRCB Berhad
- Pengerusi, DRB-Hicom Berhad
- Pengerusi, EON Bank Berhad
- Pengerusi, Uni Asia Life Assurance Berhad
- Pengerusi, Uni Asia General Insurance Berhad
- Pengerusi Panel Pelaburan, Lembaga Tabung Haji
- Pengarah Bebas, Maxis Communications Berhad
- Pengarah Bebas, Bangkok Bank Berhad
- Pengarah Urusan, Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad
- Akauntan Kewangan, Malaysian Airline System Berhad
- Pengerusi, Nestlé (Malaysia) Berhad
- Pengerusi, Radicare (M) Sdn. Bhd.



# Y.A.D. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang

P.S.M., S.S.I.S., S.P.S.K.,  
P.N.B.S., D.P.M.S., D.P.P.N.,  
K.M.N.

Timbalan Pengurus Lembaga  
Zakat Selangor

## Kelayakan Akademik:

- Sarjana Perniagaan Antarabangsa, Universiti South Carolina, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Ahli Dewan Diraja Selangor
- Pengurus, Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (LITRAK)
- Pengurus, Gamuda Berhad
- Pemegang Amanah, Yayasan Pelaburan

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara
- Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pengurus Besar Kanan, KL International Airport Berhad
- Menteri Ekonomi, Kedutaan Malaysia di Tokyo, Jepun
- Timbalan Pengarah, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- Timbalan Pengarah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

- Timbalan Pengarah, Bahagian Perusahaan Kecil, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Timbalan Pengarah, Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Setiausaha Sulit, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kerajaan Negeri Selangor
- Pengurus, Jawatankuasa Siasatan Khas Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan
- Pengurus, BIMB Holdings Berhad



# **Y.A.D. Engku Setia Lela Bestari Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Alhaj bin Raja Tun Uda Alhaj**

*D.K. II, P.S.M., S.P.M.S., S.S.T.M.,  
D.S.S.A., P.J.N.*

**Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor**

## **Kelayakan Akademik & Profesional:**

- Felo Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli, *Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA)

## **Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:**

- Penggerusi, Permodalan Nasional Berhad (PNB) Group
- Penggerusi, Bumi Armada Berhad
- Penggerusi, Pelaburan Hartanah Berhad
- Penggerusi, Yayasan Raja Muda Selangor
- Penggerusi, Yayasan AMIR
- Penggerusi, Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda
- Penggerusi, Yayasan TZA
- Pemegang Amanah, Yayasan DayaDiri
- Canselor, Universiti Selangor

## **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Penggerusi Eksekutif, PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
- Penggerusi Pasukan Kepimpinan Asia 7, PwC Asia
- Ahli, PwC Global IFRS Board
- Penggerusi, Ekuiti Nasional Berhad

- Penggerusi dan Pengarah, Maxis Berhad
- Penggerusi, Icon Offshore Berhad
- Penggerusi, Danamodal Nasional Berhad
- Pengarah, Khazanah Nasional Berhad



#### **Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:**

- Profesor Emeritus, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, HCK Capital Group Berhad
- Penggerusi Lembaga Pengelola/Governor, Open University Malaysia (OUM)
- Penggerusi Lembaga Pengelola/Governor, SEGi University
- Ahli JK Majlis Baitulmal, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

#### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Penggerusi Lembaga Pengelola/Governor, Asia e University
- Naib Canselor & Ketua Eksekutif, SEGi University
- Ahli, Lembaga Pengarah, UPSI Holdings Sdn. Bhd.
- Ahli, Lembaga Tadbir Urus & Keberkesanan Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi
- Penggerusi Lembaga Pengelola/Governor, Peninsula International School (PISA)
- Penggerusi JK Teknikal Penubuhan Universiti Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

# **YBhg. Dato' Paduka Prof. Emeritus Dr. Muhamad bin Awang**

*(J.S.M., D.J.M.K., FASc.)*

**Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor**

#### **Kelayakan Akademik & Profesional:**

- Doctor of Philosophy (PhD) dalam Pencemaran Udara & Tumbuhan, University of Sheffield, United Kingdom
- Doctorandus (Drs), Bandung Institute of Technology
- Sijil Teaching and Core Study Method, Harvard Executive Programme, Harvard Business School
- Sijil dalam Perubahan Alam Sekitar: Perancangan Polisi & Pengurusan, Oxford University
- Sijil dalam Task Force on Climate-Related Financial Disclosers (TCFD) and Environmental, Social and Governance (ESG), Star Media Group and Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM)



# **YBhg. Dato' Haji Mohamed Ross bin Mohd Din**

**(D.S.I.S.)**

**Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor**

## **Kelayakan Akademik & Profesional:**

- Diploma Perbankan, Institute of Bankers London

## **Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:**

- Pengarah Bebas, CIMB Group Holdings Berhad
- Penggerusi / Pengarah Bebas, CIMB Islamic Bank Berhad
- Pengarah, OPUS Asset Management Sdn. Bhd.
- Pengurus dan Pengarah, Prima Ekuiti (UK) Limited
- Ahli Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) – KWAP

## **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Ahli Lembaga Pengarah, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad
- Pengarah Eksekutif, HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Berkhidmat di HSBC Bank Malaysia Berhad



# YBhg. Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdullah

(D.S.I.S.)

**Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor**

## Kelayakan Akademik:

- Sijil Analisis Rangkaian Sosial (Social Network Analysis Certificate), University of Michigan, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengajian Gabungan – Matematik & Pengajian Komputer, Sunderland Polytechnic, England
- Ijazah Sarjana Sains dalam Sains Komputer, Indiana University, Bloomington, Amerika Syarikat
- Doktor Falsafah (PhD) dalam Kejuruteraan dan Sains Komputer, University of Sussex, England

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Pengasas dan Presiden, Araken Sdn. Bhd.
- Pengarah, Ihsania Sdn. Bhd.
- Ahli Jawatankuasa Kewangan & Tender, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Global Academia Sdn. Bhd.
- Pengurusan Kanan, Accenture
- Ahli Lembaga Pengarah, Accurate Network & System Integration Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah, Xolox (M) Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah, AGI Nominees Sdn. Bhd.
- Pengurus Besar, Abrar Group International Sdn. Bhd.

- Ketua Pegawai Eksekutif, Abrar Technologies Sdn. Bhd.
- Presiden & Pengarah, TSI Telsys Corp, Maryland, Amerika Syarikat
- Ahli Lembaga Pengarah, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Presiden & Pengarah, S Vision International
- Pengurus, PROTON
- Pengurus, Petronas
- Pensyarah, Universiti Malaya
- Penyelidik, Aberdeen University
- Pembantu Pengajar, Indiana University



# YBhg. Datin Paduka Hajah Badariah binti Abd Jalil

(D.S.I.S.)

Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor

## Kelayakan Akademik:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Pengkhususan dalam Sumber Manusia, University of Hull, United Kingdom

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)
- Penasihat Strategik Sumber Manusia, Petra Energy Berhad

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Pengarah Sumber Manusia, Kumpulan Petra Energy Berhad
- Pengarah Modal Insan, New Straits Times
- Ketua Pengarah Keselamatan, TV3
- Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat, Media Prima Berhad
- Pengurus Besar Perkhidmatan Pengurusan dan Sumber Manusia, Media Prima Berhad
- Pengurus Besar Sumber Manusia, Media Prima Berhad
- Naib Presiden Sumber Manusia Korporat, Celcom
- Perunding Utama, PricewaterhouseCoopers



# YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar

(A.I.S, P.J.K)

Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor

## Kelayakan Akademik:

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sarjana dalam Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia
- Sijil Setiausaha Syarikat, Institut Bina Usahawan
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah dan Kepimpinan) (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pengajian Dakwah, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Terengganu

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Setiausaha, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Pengarah Pembangunan Sosial, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Pengurus Besar, LZS
- Penolong Pengarah Bahagian Belia, Kementerian Belia dan Sukan
- Ketua Eksekutif, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)



**Sahibus Samahah  
Dato' Seri Utama  
Diraja Mufti  
Selangor  
Dato' Setia Prof.  
Madya Dr. Haji  
Anhar bin Haji Opir**

(S.S.I.S., D.P.M.S.)

Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor

**Kelayakan Akademik:**

- Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah (Kepujian), Universiti Al-Azhar, Mesir
- Sarjana Falsafah Islam, Universiti Kaherah, Mesir
- Doktor Falsafah dalam Fiqh dan Usul Fiqh (Mumtaz), *The World Islamic Sciences and Education University (WISE)*, Jordan

**Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:**

- Mufti Negeri Selangor
- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- Anggota Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Profesor Madya, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia
- Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

**Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Terlibat luas dalam bidang pendidikan dan pengajian Islam/Syariah



# YBrs. Tuan Haji Rosli bin Rasul

**Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor**

## Kelayakan Akademik & Profesional:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Diploma Pascasiswazah (Tahap Sarjana) dalam Analisis Sistem, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Sijil Pengajian Perniagaan, Politeknik Ungku Omar

## Kelayakan Profesional:

- Akauntan Bertauliah (Chartered Accountant), Institut Akauntan Malaysia
- Pemeriksa Penipuan Bertauliah, Association of Certified Fraud Examiners USA

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pencalonan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Ahli Lembaga Pengarah, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.
- Ahli Jawatankuasa Audit, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.
- Ahli Jawatankuasa Risiko, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.
- Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan, Koperasi Muslimin (M) Berhad

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Pemeriksa Kira-Kira, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- Pemeriksa Bank Kanan, Bank Negara Malaysia
- Ketua Audit Dalaman, Credit Corporation Malaysia Berhad
- Ketua Audit Dalaman, Utusan Malaysia Sdn. Bhd.
- Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman & Ketua Pegawai Kualiti, Bank Rakyat
- Ketua Pegawai Kewangan, Koperasi - Co-opbank Pertama (CBP) Malaysia Berhad



# YBhg. Datin Paduka Saudah binti Sulaiman

(D.S.I.S.)

**Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Lembaga Zakat  
Selangor**

## Kelayakan Akademik & Profesional:

- Sarjana Undang-Undang (Masters of Law), University of Aberdeen, United Kingdom
- Diploma Lanjutan Undang-Undang (LL.B Hons) (ITM)
- Diploma Undang-Undang, Institut Teknologi MARA (ITM)

## Pelantikan / Perkhidmatan Semasa:

- Anggota, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

## Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Profesor Madya Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Dekan, Fakulti Undang-Undang, UiTM
- Ahli Lembaga Pengarah, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
- Ahli, Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang Malaysia (*Legal Profession Qualifying Board*)

# Profil Ahli Pengurusan Tertinggi



*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini**

### **Ketua Pegawai Eksekutif**

Tarikh Berkhidmat: 1 April 2022 hingga 31 Mac 2025

#### **Kelayakan Akademik:**

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

#### **Kelayakan Profesional:**

- Perancang Kewangan (RFP Syariah) berdaftar di bawah Malaysian Financial Planning Council (MFPC)
- Pentaulihan mengajar (Khas) di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- Ahli Persatuan Percukaian Malaysia (MATA)
- Accredited Trainer (HRD Corp)
- Sijil Eksekutif Halal (JAKIM)

#### **Pelantikan dan Peranan di Lzs:**

- Menyertai Lzs pada 1 September 2008 sebagai Eksekutif Perniagaan

- Dilantik sebagai Ketua Divisyen Kutipan pada tahun 2016
- Menerajui Divisyen Operasi Agihan Asnaf dari 1 Jun 2021 hingga 30 Mac 2022
- Dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 April 2022 hingga 31 Mac 2025

#### **Pengalaman dan Kepakaran:**

- Mempunyai lebih 13 tahun pengalaman dalam sektor korporat
- Berpendidikan dalam bidang pengurusan perniagaan dan perakaunan

#### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Menara Setia Construction Enterprise Nusantara Worldwide Insurance (M) Berhad (subsidiari Koperasi Polis Berhad)
- Maybank Property Trust Management Berhad

Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor



## Encik Mohd Khaidzir bin Shahari

Ketua Pegawai Eksekutif, LZS

Tarikh berkhidmat: 7 April 2025 hingga kini

### Kelayakan Akademik & Profesional:

- Akauntan Bertauliah, Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli, Chartered Global Management Accountant
- Ahli, Associate Chartered Management Accountant
- Ahli, Certified Internal Auditor, IIA Inc.
- Presiden, Institute of Internal Auditors Malaysia (2024–2025)
- Ahli, Majlis Kewangan Islam, Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

- Berpengalaman bekerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan, syarikat tersenarai awam dan organisasi antarabangsa
- Terlibat bersama United Nations Development Funds dan United Nations Population Funds dalam pelaksanaan pengurusan audit di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah Timur (2002–2008)
- Penceramah dan jurulatih untuk latihan/seminar anjuran Institut Akauntan Malaysia, Institute of Internal Auditors, serta badan pengawal selia
- Pengerusi task force pembangunan penyata terkini Statement of Risk Management and Internal Controls (SORMIC)
- Pengerusi task force pembangunan Guidance for an Effective Internal Audit Function 2.0
- Ahli task force pembangunan Shariah Audit Guide oleh Institut Akauntan Malaysia
- Memulakan kerjaya dalam institusi kewangan sejak tahun 1995 hingga 1999

### Pengalaman & Kepakaran:

- Pengarah Eksekutif dan Rakan Kongsi, KPMG Management and Risk Consulting Sdn. Bhd. dan KPMG Malaysia (2007–2025)
- Lebih 25 tahun pengalaman dalam tadbir urus korporat, pengurusan risiko, kawalan dalaman, audit dan penyiasatan



## Encik Ahmad Fadhil bin Hassan

Ketua Pegawai Operasi

### Kelayakan Akademik:

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), University of Wales, Cardiff
- Ijazah Sarjana Kewangan, Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT)
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Sijil dalam Perbankan Islam dan Pasaran Modal Islam, IBFIM

### Pelantikan dan Peranan di Lzs:

- Menyertai Lzs sebagai Ketua Pegawai Operasi pada 15 Jun 2023

### Pengalaman Industri:

- Lebih 24 tahun pengalaman dalam sektor korporat yang merangkumi: Jualan dan pemasaran, Strategi korporat, Pengurusan pelaburan, Pembangunan produk dan perniagaan, Pengurusan risiko dan Perundangan dan pematuhan

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Ketua Bahagian Jualan dan Pemasaran, Koperasi Pekerja Petronas Berhad (Kopetro)
- Bertanggungjawab ke atas empat perniagaan teras: pelancongan & perhotelan, perkhidmatan perdagangan & peruncitan, makanan & minuman, serta keahlian & pembiayaan kredit
- Ketua Jualan – Strategi Korporat & Pembangunan Perniagaan, Gibraltar BSN Life Berhad
- Ketua Pengurusan Kekayaan, *Al Rajhi Bank*
- Ketua Produk, *OCBC Al Amin*
- Naib Presiden Pelaburan, *HSBC Bank Malaysia / HSBC Amanah Malaysia*
- Pengurus Kanan – Pembangunan Produk & Perniagaan, *Amlnvestment Services Berhad*
- Pegawai Kanan Pematuhan, *Prudential Fund Management Berhad & SBB Mutual Berhad*
- Berperanan sebagai pegawai berlesen dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Puan Hajah Ariffa binti Ariffin**

**Ketua Pegawai Korporat dan Projek Khas**

### **Kelayakan Akademik:**

- Fellow of the Chartered Institute of Management Accountant (FCMA)
- Charted Global Management Accountant (CGMA), United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Perakaunan & Kewangan, Liverpool John Moores University, UK
- Diploma Tadbir Urus & Pematuhan Korporat, Basel Institute – Governance & MIA

### **Pelantikan dan Peranan di LZS:**

- Mula berkhidmat bersama LZS pada 1 Mac 2018 sebagai Ketua Pegawai Operasi Korporat dan Projek Khas
- Pada tahun 2022, jawatan tersebut diubah kepada Ketua Pegawai Korporat dan Projek Khas

### **Pengalaman Kerjaya:**

- Mempunyai lebih 27 tahun pengalaman dengan beberapa syarikat korporat
- Berpengalaman dalam bidang perancangan strategi serta analisis dan penilaian perniagaan

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif – Korporat di Kumpulan Media Karangkraf
- Pengarah Bersekutu di Innovation Associates Consulting Group Sdn. Bhd. (iA)
- Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Korporat di Malaysia Building Society Berhad
- Pengurus Bahagian Perundingan Strategi di Ernst & Young Management Consultancy
- Penolong Pengurus Perancang Korporat di Tabung Haji Technologies Sdn Bhd
- Eksekutif Kanan di Arab Malaysian Bank Berhad

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Puan Rapizah binti Muhammad Sharif**

**Ketua Pegawai Kewangan & Teknologi Maklumat**

### **Kelayakan Akademik:**

- Chartered Global Management Accountant (CGMA), United Kingdom
- Akauntan Berkanun (CA), Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan & Pelaburan Gunaan), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

### **Pelantikan & Jawatan:**

- Menyertai LZS pada 10 Mei 2017 sebagai Ketua Pegawai Kewangan
- Pengalaman Industri: Mempunyai lebih 20 tahun pengalaman profesional dalam pelbagai bidang termasuk pengauditan, pemasaran dan perakaunan

- Pernah berkhidmat dalam syarikat korporat dan multinasional

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Juruaudit Operasi, Maybank Berhad
- Ketua Juruaudit Dalaman, Nestlé Products Sdn. Bhd.
- Pegawai Pemasaran & Pengurus Jenama (MAGGI), Nestlé
- Financial Controller di pelbagai Divisyen Nestlé termasuk: Nestlé Professional (Malaysia & Singapore)
- Pengurus, Continuous Excellence & Change Management – Corporate Finance, Nestlé

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Puan Shuaibah binti Awaldeen**

**Financial Controller**

### **Kelayakan Akademik:**

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia (MIA)

### **Pelantikan dan Peranan di LZS:**

- Dilantik sebagai Financial Controller pada 1 November 2021

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Tee & Partners
- Metro Parking (M) Sdn. Bhd.
- IWRAW Asia Pacific
- Touch 'n Go Sdn. Bhd.
- Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC)

### **Pengalaman Kerjaya:**

- Lebih 5 tahun pengalaman dalam bidang pengauditan luaran di firma audit
- Lebih 20 tahun pengalaman sebagai Ketua Jabatan/Divisyen dalam bidang:
  - a. Kewangan dan Akaun
  - b. Perancangan Korporat
  - c. Pentadbiran
  - d. Teknologi Maklumat

Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor



## Puan Siti Aishah binti Abu Bakar

Ketua Divisyen Komunikasi Korporat

### Kelayakan Akademik:

- Ijazah Sarjana Muda Pemasaran Antarabangsa, Chartered Institute of Marketing (UK), 1992
- Penerima Anugerah Pelajar Terbaik Malaysia 1992

### Pelantikan dan Pengalaman di Lzs:

- Menyertai Lzs pada November 2024
- Kini memegang jawatan sebagai Ketua Divisyen Komunikasi Korporat

### Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai lebih 28 tahun pengalaman dalam bidang Pemasaran, Jualan dan Pembangunan Perniagaan secara menyeluruh (end-to-end)
- Berkemahiran dalam pelbagai aspek strategik dan operasi termasuk:

- a. Pengurusan Saluran (Channel Management)
- b. Pembangunan & Pengurusan Produk
- c. Perancangan Strategik & Penyediaan Belanjawan
- d. Inteligen Pasaran (Market Intelligence)
- e. Khidmat Pelanggan
- f. Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam
- g. Komunikasi Pemasaran (ATL, BTL, OOH, DOOH)
- h. Pengurusan Kempen
- i. Penjenamaan (Branding)
- j. Intervensi Media Sosial

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Telekomunikasi: Celcom, TimedotCom
- Perbankan & Institusi Kewangan: RHB Bank, AIG Inc
- Perkhidmatan Pengguna: UEM
- Penyiaran: Media Prima
- Pengiklanan & Komunikasi: Adminda
- Pendidikan: GAINS Education

Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor



## Encik Kamarulzaman bin Omar

Ketua Divisyen Strategi Korporat

### Kelayakan Akademik & Profesional:

- Member, Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
- Sarjana Eksekutif Pengurusan, Universiti Asia Metropolitan (AMU)
- Sarjana Muda Pentadbiran Perakaunan dan Kewangan (Kepujian), Universiti Middlesex, London

### Latar Belakang Kerjaya:

- Berkhidmat sebagai Ketua Divisyen Strategi Korporat di LZS sejak 1 September 2019
- Mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam pelbagai industri seperti perbankan, peruncitan, kurier dan logistic

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- **Pos Malaysia Berhad (13 tahun):**
  - a. Pernah memegang pelbagai jawatan dalam jabatan Perancangan Strategi Korporat, Pejabat Pengurusan Transformasi, Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kewangan
  - b. Jawatan terakhir: Pengawal Kewangan (Financial Controller)
- **Harrods Group, London (5 tahun):**
  - a. Akauntan Pengurusan (Management Accountant)
- **Sektor Perbankan:**
  - a. Pernah berkhidmat di RHB Bank Berhad dan MBSB Bank Berhad selama lebih 2 tahun

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Encik Salehuddin bin Abu Samah**

**Ketua Divisyen Syariah dan Dakwah**

### **Kelayakan Akademik dan Profesional:**

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Syariah, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi
- Diploma Pendidikan, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI)
- Certified Shariah Advisor
- Associate Member of Association of Shariah Advisors in Islamic Finance (ASAS)
- Pendakwah Bertauliah Negeri Selangor

### **Pelantikan dan Peranan di Lzs:**

- Dilantik sebagai Ketua Divisyen Syariah dan Dakwah pada 1 Disember 2022

### **Pengalaman dan Kepakaran:**

- Mempunyai 21 tahun pengalaman kerja termasuk:

13 tahun dalam bidang pengurusan, khidmat nasihat, kajian dan pematuhan Syariah di institusi kewangan Islam

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Assistant Vice President, Ketua Jabatan Semakan dan Pengesahan Syariah di RHB Islamic Bank Berhad dan pernah berkhidmat sebagai Penolong Pengurus di Divisyen Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad
- Penasihat Syariah Bertauliah dengan pengalaman sebagai ahli jawatankuasa Syariah di pelbagai agensi

### **Sumbangan Lain:**

- Terlibat secara aktif dalam menjalankan aktiviti pendidikan, dakwah dan penulisan dalam mengembangkan syiar Islam



## Puan Azuwadaniseh binti Mohd Zain

Ketua Divisyen Sumber Manusia

Tarikh berkhidmat: 31 Januari 2020 hingga 31 Januari 2025

### Kelayakan Akademik:

- Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia (USM)
- Sarjana Pengurusan Sumber Manusia, Open University Malaysia (OUM)

### Pelantikan dan Peranan di Lzs:

- Mula berkhidmat bersama Lzs pada 31 Januari 2020 sebagai Ketua Divisyen Sumber Manusia

### Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai lebih 25 tahun pengalaman bekerja dengan beberapa syarikat korporat
- Berpengalaman dalam bidang pengurusan dan pembangunan sumber manusia

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Ketua Pusat Latihan KVMRT di MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn. Bhd. (2016 – 2020)
- Naib Presiden Pembelajaran dan Pembangunan di Bank Simpanan Nasional (2004 – 2016)
- Ketua Sumber Manusia Kawasan Perkhidmatan 3, Alam Flora Sdn. Bhd. (2001 – 2004)
- Eksekutif Kanan Sumber Manusia di Celcom (M) Sdn. Bhd. (1995 – 2001)



## Puan Norlina binti Sulaiman

Ketua Divisyen Sumber Manusia

Tarikh berkhidmat: 7 Mei 2025 hingga kini

### Kelayakan Akademik:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Asia eUniversity
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Journalism, Cardiff University
- Diploma Pengurusan Sumber Manusia, Malaysian Institute of Human Resource Management
- Certified Master Trainer, DLWS
- Certified Virtual Learn Caster, Global Trainers Federation
- Certified Train the Trainer, Kementerian Sumber Manusia
- Certified Train the Trainer, Human Resource Development Corporation
- Certified Employment Support Specialist, Kementerian Sumber Manusia
- Certified Job Evaluation, Hays
- Certified Job Evaluation, Watson Wyatt
- Certified Corporate Company Administration, Universiti Malaya
- Certified Industrial Relations, Malaysian Employers Federation
- Certified Inhouse Coaching, AT Kearney

### Pelantikan dan Peranan di LZS:

- Dilantik sebagai Ketua Divisyen Sumber Manusia berkuat kuasa pada 7 Mei 2025

### Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang sumber manusia
- Berpengalaman luas dalam bidang profesional, pengurusan, sumber manusia dan pentadbiran

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Sime UMW
- Medivest Sdn. Bhd.
- Pantai Parkway Group
- Malaysian Agrifood Corporation Berhad
- Naza Group
- Opcm Holdings Berhad
- Natseven TV Sdn. Bhd.
- Sanda Industries Berhad
- PA Consulting
- Arthur Andersen HRM

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Encik Muhd Fikri Naim bin Harun**

**Ketua Divisyen Kutipan**

### **Kelayakan Akademik:**

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

### **Latar Belakang Kerjaya:**

- Dilantik sebagai Ketua Divisyen Kutipan di LZS pada 1 November 2021
- Mempunyai lebih 13 tahun pengalaman dalam bidang jualan, pemasaran, penjenamaan dan pembangunan perniagaan
- Berpengalaman dalam tiga industri berbeza iaitu industri animasi, teknologi maklumat, dan pengurusan zakat

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Pengurus Besar di LC Merchandising Sdn. Bhd. (anak syarikat Les' Copaque Production Sdn. Bhd.)
- Pengurus Pembangunan Perniagaan di MobileOne Technology Sdn. Bhd. (sebuah syarikat teknologi maklumat tempatan)

Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor



## Encik Md Yusmizan bin Yusuf

Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf

### Kelayakan Akademik:

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan, Open University Malaysia (OUM)

### Pelantikan & Jawatan Semasa:

- Dilantik sebagai Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf di LZS pada 1 Jun 2022

### Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan Agihan Zakat dan kolaborasi dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta
- Aktif dalam pembangunan program agihan zakat berimpak tinggi khususnya dalam bidang sosial dan ekonomi

### Sumbangan Profesional:

- Menyelaras pengurusan Projek Selangor Prihatin di Batu Bertangkup, Perlis dan Pasir Puteh, Kelantan

- Menyelaras Projek Agroekonomi Asnaf di Bukit Beruntung (Hulu Selangor) dan Permatang Pasir (Kuala Langat)
- Pewartaan Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan
- Pembangunan Modul Bersepadu Baitus Salam dan Modul Kecemerlangan Pelajar Bait Al-Hasanah
- Pembentang kertas kerja bagi seminar / persidangan :
  - a. Annual Dialysis Conference anjuran National Kidney Foundation
  - b. Muzakarah Zakat Nusantara Ke-2 anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Keahlian Jawatankuasa :
  - a. Anggota Jawatankuasa Teknikal Pusat Transit Akademik Sesi 2024-2026
  - b. Ahli Jawatankuasa Teknikal Program Bidayatul Al-Falah (BFAH) bermula daripada Februari 2025 hingga 31 Disember 2025

Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor



## Encik Zulfirdaus bin Abu Hassan

Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf

### Kelayakan Akademik:

- Ijazah Sarjana Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (2015–2019)
- Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (2004–2007)

### Pelantikan & Jawatan Semasa:

- Dilantik sebagai Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf di LZS pada 1 Jun 2023

### Pengalaman Industri:

- Mempunyai lebih daripada 17 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan kepimpinan.

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- Head of Program Management, NAMA Foundation (2018–2023)
- Consultant – Human Capital Development Sdn. Bhd. (2017–2018)
- Associate Director – Scholar Management (Education), Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (2014–2017)

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## Encik Zulkepli bin Mad Yatim

Ketua Divisyen Perkhidmatan Cawangan dan Hab

### Kelayakan Akademik:

- Diploma Tahfiz Wal Qiraat, Darul Quran JAKIM
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

### Pelantikan dan Peranan di Lzs:

- Dilantik sebagai Timbalan Ketua Divisyen Perkhidmatan Cawangan dan Hab pada 22 Jun 2022

### Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai lebih 18 tahun pengalaman bekerja di Lzs dengan pelbagai jawatan dan lokasi bertugas di beberapa daerah dalam Negeri Selangor

- Pernah bertugas sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

### Sumbangan Profesional:

- Pemegang tauliah mengajar daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

### Pengurniaan Pingat:

- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) Negeri Selangor pada tahun 2023



## Encik Naseri bin Salleh

Ketua Divisyen Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran

### Kelayakan Akademik:

- Sarjana Muda Pengurusan dan Penilaian Hartanah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### Kelayakan Profesional:

- Merupakan Pengurus Harta Berdaftar
- Berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia

### Pelantikan dan Peranan di LZS:

- Mula berkhidmat bersama LZS sejak 1 Februari 2015

### Pengalaman dan Kepakaran:

- Mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor pembangunan harta tanah, pengurusan harta tanah, pentadbiran dan pembinaan
- Pernah memegang jawatan Pengurus Hartanah di:
  - a. Jones Lang Woolton
  - b. Negara Properties (M) Bhd
  - c. Land and General Berhad
  - d. Faber Facilities Sdn. Bhd.
  - e. Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON)



## Encik Suaib bin Nyompa

Ketua Divisyen Perolehan

### Kelayakan Akademik:

- Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### Pelantikan & Jawatan Semasa:

- Dilantik sebagai Ketua Divisyen Perolehan di LZS pada 27 Mac 2023.

### Pengalaman Industri:

- Mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang pengurusan kontrak, perolehan, pembangunan vendor, serta terlibat dalam projek infrastruktur dan minyak & gas di peringkat tempatan dan antarabangsa.

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- IJM Group Berhad (2003–2008)**
  - Eksekutif Pengurusan Kontrak dan Perolehan (Jurukur Bahan)

- Berperanan dalam projek infrastruktur di UAE dan India (lebuhraya & kompleks kerajaan)

- Dialog Group Berhad (2008)**

- Ketua Jabatan Kontrak dan Perolehan
- Projek minyak dan gas hiliran (*downstream*) di Melaka

- TH Heavy Engineering Berhad (2011)**

- Pengurus Kanan Tender
- Terlibat dalam pembangunan lapangan minyak luar pesisir (*upstream*) di Sabah dan Sarawak

- Pelbagai anak syarikat PETRONAS**

- Memegang jawatan sebagai Pengurus dan Ketua Jabatan Kontrak dan Perolehan
- Bertanggungjawab dalam penubuhan jabatan kontrak, pembangunan sistem perolehan dan vendor

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Encik Mohd Firdaus bin Kamarudin**

**Ketua Divisyen Kualiti & Jaminan**

### **Kelayakan Akademik:**

- Sarjana Pentadbiran dan Perniagaan, Open University Malaysia (OUM)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Diploma Tadbir Urus & Pematuhan Korporat, Basel Institute – Governance

### **Latar Belakang Kerjaya:**

- Berkhidmat sebagai Ketua Divisyen Kualiti & Jaminan di LZS sejak 1 Ogos 2019
- Mempunyai lebih daripada 16 tahun pengalaman bekerja dalam syarikat korporat dan multinasional
- Berpengalaman selama 7 tahun dalam sektor media dan 9 tahun dalam sektor pembuatan

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Media Prima Berhad
- The New Straits Times Press
- SCA Hygiene
- Steelcase Manufacturing
- Shinetsu
- FMP Automotive
- GlaxoSmithKline

*Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor*



## **Encik Abdul Halim bin Abd Rahim**

**Ketua Divisyen Teknologi Maklumat**

### **Kelayakan Akademik:**

- Sarjana Muda Sains, Sains Aktuari, Universiti IOWA, IOWA City, USA.

### **Pelantikan & Jawatan:**

- Mula berkhidmat di LZS pada 17 April 2018 sebagai Ketua Divisyen Teknologi Maklumat.

### **Pengalaman Industri:**

- Mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam industri IT/ICT.
- Kepakaran dalam perundingan projek, pengurusan dan pelaksanaan servis projek.

### **Pengalaman Kerjaya Terdahulu:**

- Ketua Pegawai Perniagaan dan Pengarah Projek di Zanko Sdn. Bhd.
- Pengurus Besar di Apex Communications Sdn. Bhd.
- Naib Presiden di Araken Sdn. Bhd.
- Cerner (M) Sdn. Bhd.
- Alam Teknokrat Sdn. Bhd.
- Abrar Group International
- AIA Co. Ltd.



# *Pengurusan Tertinggi Lembaga Zakat Selangor*

# **Encik Shahnizam bin Abdul Hamid**

## Ketua Divisyen Audit Dalam

## Kelayakan Akademik:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)
    - c. Penerbangan
    - d. Peruncitan
  - Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia (UUM)
    - e. Pengurusan fasiliti & kejuruteraan
    - f. Pengurusan projek & konsultasi

## Pelantikan dan Pengalaman di LZS:

- Menyertai LZS pada 28 Oktober 2019 sebagai Ketua Divisyen Audit Dalam

## Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang pengauditan dengan pelbagai syarikat korporat
  - Terlibat dalam audit pelbagai industri dan sektor termasuk:
    - a. Perbankan
    - b. Automotif

c. Penerbangan

- d. Peruncitan
  - e. Pengurusan fasiliti & kejuruteraan
  - f. Pengurusan projek & konsultasi
  - g. Perladangan dan perhotelan

Keghlian Profesional:

- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
  - Ahli Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIA Malaysia)

Pengurusan Tertinggi  
Lembaga Zakat  
Selangor



## Datin Setia Hajah Norajun Ainun binti Dato' Mohd Hashim

Ketua Perhubungan Stakeholder

### Pelantikan & Jawatan:

- Menjawat jawatan sebagai Ketua Divisyen Perhubungan Stakeholder & Komunikasi Korporat di LZS sejak tahun 2008 sehingga November 2024

### Pengalaman Kerjaya:

- Mempunyai pengalaman lebih 39 tahun dalam pelbagai syarikat korporat tempatan dan antarabangsa

### Pengalaman Kerjaya Terdahulu:

- The New Straits Times Press Berhad
- Amanah Butler (Forex) Malaysia Berhad
- Isetan Japan Sdn. Bhd.
- Fujitsu Business System
- Mega SPJ Sdn. Bhd.
- Amanah Capital Malaysia Berhad
- Malaysia Resources Corporation Berhad (di bawah Realmild Malaysia Sdn. Bhd.)
- Radicare Malaysia Sdn. Bhd.
- Rahmat Samudera / MAIS NGV



# Pematuhan Syariah

LZS mementingkan pematuhan syariah dalam kepimpinan organisasi bagi meneruskan amanah zakat di Selangor.

## Menegakkan Pematuhan Syariah

Untuk menjadi institusi zakat bertaraf dunia, LZS komited dalam menguruskan pematuhan secara efektif melalui Garis Panduan dan Prosedur Pematuhan LZS, yang selaras dengan amalan Syariah. LZS mengakui bahawa ketidakpatuhan boleh mengakibatkan isu perundangan, operasi dan reputasi. Dengan mematuhi fatwa dan resolusi Syariah, LZS terus memotivasi para pengeluar zakat dan menyokong komuniti asnaf sambil menegakkan prinsip tadbir urus yang baik dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar, dengan mengambil kira keperluan para pemegang taruh. Selain itu, LZS juga komited untuk menyokong piawaian antarabangsa melalui Sistem Pengurusan Kualiti (QMS).

## Pengurusan Pematuhan Syariah

Proses pematuhan Syariah di LZS mengadaptasi amalan terbaik piawaian antarabangsa yang terkenal, termasuk mengenal pasti isu, serta menilai fatwa dan resolusi Syariah yang mengawal jawatankuasa, pengurusan, operasi, kutipan, agihan dan fungsi pentadbiran LZS. Dalam memenuhi kehendak undang-undang dan pengawal selia, peranan dan tanggungjawab utama LZS berpandukan undang-undang berikut:

- Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012

# Jawatankuasa Penasihat Syariah

Untuk memastikan pematuhan sepenuhnya, LZS sentiasa menjelaki dan mengukur tahap pematuhan menggunakan *Syariah Compliance Assessment Matrix*. Kaedah ini membolehkan LZS mengumpul dan menyimpan maklumat berdasarkan keperluan bahagian atau jabatan berkaitan. Penilaian pematuhan ini memberi tumpuan kepada sejauh mana setiap bahagian mematuhi fatwa dan resolusi Syariah yang ditetapkan.

## Pembangunan Ekonomi

Bahagian Kualiti & Jaminan (Unit Pematuhan Syariah) LZS akan melaporkan kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah (mengikut keperluan) mengenai pelaksanaan program pematuhan Syariah, termasuk pemerhatian dan hasil pemantauan, jurang ketidakpatuhan serta maklumat berkaitan penambahbaikan berterusan.



## Tadbir Urus Pematuhan Syariah

LZS telah membangunkan pendekatan yang berkesan untuk mentadbir pematuhan Syariah dan membendung risiko ketidakpatuhan. Pendekatan ini merangkumi elemen penting seperti kepimpinan, akauntabiliti dan penyeliaan yang menyeluruh. Institusi ini dipandu oleh empat teras untuk memupuk amalan pematuhan yang baik:

### a) Integriti sebagai Budaya

- Mengamalkan budaya pematuhan terhadap undang-undang melalui kawalan kendiri, dipandu oleh kejujuran, amanah dan etika, dengan pemantauan dan kawalan minimum

### b) Akauntabiliti di Semua Peringkat

- Melaksanakan tugas dan tanggungjawab

selaras dengan fatwa dan resolusi Syariah yang berkaitan. Semua proses, aktiviti dan tindakan LZS mematuhi kehendak Syariah yang telah ditetapkan

### c) Ketelusan di Semua Peringkat

- Memastikan maklumat boleh diakses dan dirahsiakan dengan baik. Tindakan sewajarnya akan diambil terhadap individu yang bertanggungjawab atas sebarang ketidakpatuhan

### d) Keberkesanan Pelaksanaan

- Komitid untuk mencapai objektif dan matlamat sambil memastikan pematuhan terhadap fatwa dan resolusi Syariah



# **Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir**

Pengerusi

---

## **Akademik:**

- Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah (Kepujian), Universiti Al-Azhar, Mesir
- Sarjana Falsafah Islam, Universiti Kaherah, Mesir
- Doktor Falsafah dalam Fiqh dan Usul Fiqh (Mumtaz), *The World Islamic Sciences and Education University (WISE)*, Jordan

## **Pelantikan / Perkhidmatan:**

- Mufti Negeri Selangor
- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- Anggota Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Profesor Madya, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia
- Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



## **YBhg. Dato' Professor Dr. Aznan bin Hasan**

Ahli

### **Akademik:**

- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Syariah Islamiah, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir
- Ijazah Sarjana dalam Syariah, Universiti Kaherah
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Syariah, Universiti Wales, Lampeter, United Kingdom

### **Pelantikan / Perkhidmatan:**

- Profesor di Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IiBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Presiden Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS)
- Penggerusi Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Penggerusi Jawatankuasa Syariah, Maybank Islamic Berhad
- Penggerusi Panel Penasihat Syariah, Amanah Hartanah Bumiputera
- Timbalan Penggerusi Lembaga Pengawasan Syariah, Bank Nizwa, Oman
- Ahli Autoriti Tertinggi Syariah, Bank Pusat UAE
- Ahli Lembaga Pengawasan Syariah, HSBC Global, UAE
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Kumpulan Etiqa Takaful Berhad
- Penggerusi Jawatankuasa Syariah, Bank Pembangunan Malaysia Berhad



## **YBhg. Professor Madya Dr. Kamaruzaman bin Noordin**

Ahli

### **Akademik:**

- Penasihat Syariah Bertauliah, Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS)
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Pengajian Islam (Kewangan Islam), Universiti Wales, United Kingdom

### **Pelantikan / Perkhidmatan:**

- Timbalan Dekan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Pengurus Bebas Bukan Eksekutif, Bank Simpanan Nasional
- Pengurus Jawatankuasa Syariah, Affin Islamic Bank
- Ahli Jawatankuasa Syariah, PruBSN Takaful
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, MUA Life Ltd, Mauritius
- Ahli Jawatankuasa Tabung Zakat, Universiti Malaya (JTZUM)



## **YBhg. Professor Madya Dr. Yasmin Hanani binti Mohd Safian**

Ahli

---

### **Akademik:**

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Syariah Islamiyyah, Universiti Al-Azhar
- Ijazah Sarjana Undang-Undang Islam, Universiti Birmingham
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Undang-Undang Islam, Universiti Exeter

### **Pelantikan / Perkhidmatan:**

- Profesor Madya di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Ahli Jawatankuasa Panel Syariah USIM
- Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Ahli Jawatankuasa Syariah Co-opbank Pertama (CBP)
- Ahli Jawatankuasa Pemantauan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad
- Ahli syarak consulting Wilayah Persekutuan (MAIWP)



## YBhg. Dr. Shamsiah binti Mohamad

Ahli

---

### Akademik:

- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Malaya
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Asas Perundangan (Fiqh dan Usul Fiqh), Universiti Jordan

### Pelantikan / Perkhidmatan:

- Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, SME Bank
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Kumpulan MNRB Holdings Berhad
- Ahli Majlis Pengawasan Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad
- Pakar Bidang (Subject Matter Expert), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM)
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Hajj TH-JAKIM
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

# Sumbangan Kami Kepada Perubahan



Agihan Zakat  
**RM 1.19 Bilion**

**3.2%**

Peningkatan agihan zakat pada  
tahun 2024 berbanding 2023

LZS telah mengagihkan zakat merentasi semua kategori asnaf iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, fisabilillah, gharimin dan ibnu sabil. Fokus utama agihan adalah pada pembangunan sosial, pendidikan, institusi agama, pembangunan insan dan pembangunan ekonomi.

Jumlah keseluruhan pengagihan adalah RM1.15 bilion, dengan lebih 77,800 keluarga menerima bantuan dalam pelbagai bentuk termasuk kewangan, makanan dan rawatan perubatan.

**77,800+**

**Asnaf (Fakir & Miskin)**

**RM780.32 Juta**

**Program Pembangunan Sosial**

**5,000+**

**Asnaf Yang Keluar Dari Kemiskinan**

**RM707.66 Juta**

**Kumpulan Penerima Zakat Terbesar**

Fakir & Miskin

# **Zakat disampaikan kepada yang berhak**

**RM276.63 Juta**

**Fakir**

**RM25.86 Juta**

**Riqab**

**RM431.03 Juta**

**Miskin**

**RM91.07 Juta**

**Gharimin**

**RM148.73 Juta**

**Amil**

**RM163.78 Juta**

**Fisabilillah**

**RM50.33 Juta**

**Mualaf**

**RM0.15 Juta**

**Ibnu Sabil**

# Teras Utama Bantuan Zakat

LZS menumpukan pelaksanaan agihan zakat menerusi lima teras utama iaitu pembangunan sosial, pendidikan, institusi agama, ekonomi dan insan. Kelima-lima teras ini dirangka bagi memastikan setiap

bantuan zakat memberi kesan yang paling bererti kepada penerima serta menyumbang kepada kesejahteraan ummah secara menyeluruh.

**RM780.32 Juta**

Pembangunan Sosial

**RM194.22 Juta**

Pembangunan Pendidikan

**RM26.33 Juta**

Pembangunan Institusi Agama

**RM24.09 Juta**

Pembangunan Insan

**RM13.88 Juta**

Pembangunan Ekonomi



# Pembangunan Sosial & Impak

## Tentang Program Pembangunan Sosial

Program pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh LZS bertujuan meringankan beban hidup golongan asnaf melalui penyediaan bantuan kewangan, makanan, perubatan, perumahan serta sokongan kecemasan, bagi memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan asas mereka terjamin.

Melalui inisiatif ini, zakat berperanan bukan sekadar memberi kelegaan sementara, malah membuka ruang kepada asnaf untuk membina kehidupan yang lebih baik dan berusaha ke arah mencapai tahap kendiri. Program ini juga menjadi asas penting dalam memperkuuh kestabilan, maruah serta daya saing mereka dalam jangka masa panjang.

# Fakir

## Bantuan Kewangan Bulanan

**RM111,312,803**

Penerima: 23,940

## Bantuan Makanan Bulanan

**RM9,718,620**

Penerima: 10,291

*Bantuan asas untuk menampung perbelanjaan hidup bulanan asnaf*

*Seramai 8,721 keluarga asnaf fakir dibantu untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa*

## Bantuan Sewa Rumah

**RM57,472,085**

Penerima: 8,471

## Bantuan Baik Pulih Rumah

**RM5,406,793**

Penerima: 223

## Bantuan Pembinaan Rumah Individu

**RM1,089,683**

Penerima: 23,940



## Bantuan Perubatan

# RM14,844,772

Penerima: 2,408

Seramai 2,408 asnaf fakir menerima bantuan perubatan untuk rawatan kesihatan, termasuk dialisis

## Bantuan Hari Raya

# RM12,196,098

Penerima: 26,185

Membantu asnaf fakir membuat persiapan untuk bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri

## Bantuan Bencana

# RM158,370

Penerima: 74

Membantu umat Islam yang berdepan kesusahan akibat bencana seperti banjir, ribut, kebakaran dan tanah runtuh

# Miskin

## Bantuan Kewangan Bulanan

# RM132,982,617

Penerima: 28,481

Bantuan asas untuk menampung perbelanjaan hidup bulanan asnaf

### Bantuan Makanan Bulanan

**RM12,404,154**

Penerima: 12,526

*Seramai 12,353 keluarga asnaf miskin dibantu untuk mendapatkan tempat tinggal yang sesuai*

### Bantuan Sewa Rumah

**RM79,847,724**

Penerima: 11,809

### Bantuan Baik Pulih Rumah

**RM12,650,326**

Penerima: 482

### Bantuan Pembinaan Rumah Individu

**RM2,614,034**

Penerima: 62

### Bantuan Perubatan

**RM26,139,776**

Penerima: 3,478

*Sebanyak 3,478 asnaf miskin menerima bantuan perubatan untuk rawatan kesihatan, termasuk dialisis*



## Bantuan Hari Raya

# RM19,528,530

Penerima: 44,746

*Membantu asnaf miskin membuat persiapan bagi bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri*

## Bantuan Bencana

# RM258,000

Penerima: 140

*Membantu umat Islam yang mengalami kesusahan akibat bencana seperti banjir, ribut, kebakaran dan tanah runtuhan*

## Mualaf

## Bantuan Kewangan Bulanan

# RM9,013,480

Penerima: 2,744

*Bantuan asas untuk menampung perbelanjaan hidup bulanan asnaf*

## Bantuan Makanan Bulanan

# RM206,806

Penerima: 198

*Seramai 960 keluarga asnaf mualaf dibantu  
untuk mendapatkan tempat tinggal  
yang sesuai*

**Bantuan Sewa Rumah**

**RM6,294,685**

Penerima: 938

**Bantuan Baik Pulih Rumah**

**RM640,964**

Penerima: 20

**Bantuan Pembinaan Rumah Individu**

**RM139,619**

Penerima: 2

**Bantuan Perubatan**

**RM266,039**

Penerima: 75

*Seramai 75 asnaf mualaf menerima bantuan  
perubatan untuk rawatan kesihatan,  
termasuk dialisis*



# Gharimin

## Bantuan Hutang Perubatan

**RM40,504,619**

Penerima: 5,475

*Mengurangkan beban  
pesakit kronik / kritikal*

## Bantuan Hutang Rawatan Dialisis

**RM34,752,407**

Penerima: 1,719

*Mengurangkan beban  
pesakit buah pinggang*

## Bantuan Hutang Keperluan Hidup

**RM2,707,961**

*Membantu menyelesaikan hutang  
berkaitan keperluan asas seperti bil air /  
elektrik, perbelanjaan harian dan hutang  
yang menjelaskan sumber pendapatan*

## Bantuan Kecemasan Bencana

**RM1,669,977**

Penerima: 490

*Memberi bantuan kepada umat Islam yang  
mengalami kesusahan akibat bencana  
seperti banjir, ribut, kebakaran dan  
tanah runtuh*



# Riqab

Sebanyak RM25.86 juta telah diagihkan kepada asnaf riqab di negeri Selangor bagi tahun 2024

## Program Dakwah Riqab

**RM15,839,687**

### Baitul Ehsan

**RM2,416,623**

Pusat Pemulihan Akhlak

### Baitul Iman

**RM2,026,677**

Pusat Pemulihan Akidah

### Baitul Islah

**RM1,401,598**

Pusat Pemulihan Dadah Tegar

# Fisabilillah

Sebanyak RM163.78 juta telah diagihkan kepada asnaf fisabilillah di negeri Selangor bagi tahun 2024

## Elaun Guru Kelas Fardhu Ain Asas

**RM28,908,600**

Penerima: 206

*Elaun bulanan untuk guru Kelas Fardhu Ain*

## Program Pelaksanaan Nilai Islam

**RM19,361,648**

Penerima: 551

*Bantuan kewangan kepada institusi tertentu (sekolah/kolej/universiti/masjid/surau) untuk menjalankan program dakwah dan pembangunan yang menekankan nilai-nilai Islam*



# Ibnu Sabil

## Bantuan Musafir

**RM45,580**

*Bantuan asas kepada umat Islam yang terkandas dalam perjalanan tanpa dana (yang dibenarkan oleh Syariah)*



## Bantuan Sumbangan Keperluan Asas Pelarian

**RM30,000**

*Sumbangan kepada pertubuhan berdaftar, persatuan dan institusi untuk menyediakan keperluan asas pelarian Muslim di Selangor*

## Bantuan Pengurusan Rumah Musafir

**RM68,370**

*Bantuan untuk membiayai kos pengurusan rumah penginapan pelawat di hospital*

## Bantuan Pelajar Luar Negara

**RM7,925**

*Sumbangan untuk menampung kos perjalanan pelajar luar negara pulang ke negara asal*



## Keluarga Mualaf: Syawal Tanpa Tempat Berlinbung

Satu panggilan kecemasan diterima oleh pihak kaunter Zakat Selangor di mana sepasang suami isteri bersama seorang anak kecil hadir dengan membawa hanya beberapa beg. Mereka baru sahaja diusir keluar dari rumah keluarga. Maklumat segera disalurkan kepada Skuad Saidina Umar (SSU) Zakat Selangor yang terus mengambil tindakan pantas untuk menyelidik keadaan sebenar. Rupa-rupanya, keluarga kecil ini adalah saudara baru yang memeluk Islam tahun lalu. Malangnya, sejak sebulan lalu, si suami terlibat dalam kemalangan jalan raya yang menyebabkan kecederaan serius iaitu patah kaki dan tulang pinggang dan kini tidak lagi mampu bekerja.

Keadaan bertambah rumit apabila berlaku salah faham dengan ahli keluarga yang masih bukan Islam. Ketidakupayaan beliau untuk bekerja dan menyara keluarga dianggap sebagai beban, hingga akhirnya mereka diminta keluar dari rumah. Dengan kesihatan yang masih lemah dan

tiada tempat untuk dituju, mereka nekad datang ke kaunter Zakat Selangor dalam keadaan bingung, takut dan hilang arah. Melihat keadaan yang begitu mendesak, pihak Zakat Selangor segera menguruskan penempatan sementara bagi memastikan keluarga ini tidak terus tinggal tanpa perlindungan, sementara menunggu proses masuk ke rumah sewa baharu yang sedang diusahakan. Di sebalik kemerahan Ramadan yang hampir ke penghujungnya, masih ramai yang sedang bergelut dengan ujian berat. Namun, di sinilah zakat memainkan peranannya sebagai pelindung, sebagai penyambung harapan.

Zakat Selangor akan terus berdiri di sisi mereka yang terpinggir dan diuji, kerana setiap insan berhak merasai erti kasih sayang, terutama di bulan yang mulia ini.



## Hidayah Di Warung Kecil: Kisah Muslimah Orang Asli

Perjalanan Rahmah memeluk Islam bukanlah mudah. Pada awalnya, pengislamannya dirahsiakan daripada ibu bapa. Reaksi pertama dingin dan jauh dari mesra. Namun Rahmah tidak pernah membala dengan marah. Dengan penuh sabar, beliau terus menjaga silaturahim, dan akhirnya kasih sayang serta doa membuka hati kedua ibu bapanya untuk menerima hidayah itu dengan reda. Bermula sebagai pekerja kedai makan dan kemudiannya di syarikat khemah selama hampir 15 tahun, Rahmah akhirnya mendapat dorongan keluarga untuk membuka warung sendiri di Kampung Orang Asli Sungai Bumbun.

Tahun 2014 menjadi saksi langkah pertamanya sebagai peniaga nasi lemak bersama suami tercinta. Setelah melalui fasa getir Perintah Kawalan Pergerakan, beliau mula menyediakan masakan panas pada waktu malam demi kelangsungan hidup. Di sebalik senyumannya, Rahmah menanggung pelbagai ujian kesihatan seperti kencing manis, darah tinggi dan sakit lutut namun semangatnya tidak pernah luntur. Beliau bertekad untuk menyediakan makanan halal kepada masyarakat Orang Asli di kawasannya yang kurang akses kepada pilihan makanan Muslim.

Lebih mengharukan, Rahmah bukan sahaja berniaga tetapi juga menyumbang. Beliau sering menerima permintaan menyediakan jamuan berbuka daripada agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan sekolah sekitar. Malah, ada insan yang mempercayainya untuk menyalurkan sumbangan makanan panas kepada komuniti yang serba kekurangan. Pengislamannya menjadi asbab hidayah kepada beberapa adik-beradiknya. Rahmah bukan sekadar usahawan beliau adalah pembuka jalan, penyambung kasih dan cahaya dakwah yang menyala di pelusuk kampung. Antara bantuan yang diterima adalah:

- **Bantuan bina rumah (2010)**
- **Bantuan makanan (2014)**
- **Saguhati Aidilfitri (2014-2016)**
- **Bantuan baik pulih rumah (2022)**
- **Elaun Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM)**



## Hadiah Rumah Kediaman

Dua keluarga asnaf, Encik Jaidi dan Encik Izuwan, kini mampu menarik nafas lega apabila menerima bantuan rumah baharu daripada LZS. Sebelum ini, mereka hanya mampu menyewa rumah kecil yang serba kekurangan dengan bayaran sewa yang membebankan. Rumah baharu yang diterima lengkap dengan tiga bilik tidur, ruang tamu dan dapur – cukup selesa untuk menampung keluarga masing-masing yang berjumlah lima orang. Bantuan ini memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan kehidupan dengan lebih tenang dan bermaruah.

Majlis serahan kunci telah disempurnakan oleh Y.D.H. Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, Orang Besar Daerah Kuala Selangor, yang memuji usaha LZS dan menasihati penerima agar menjaga rumah tersebut dengan baik. Bagi LZS, bantuan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab amanah zakat untuk memastikan golongan asnaf dapat hidup dalam keadaan lebih selesa dan terjamin. Program seperti ini membuktikan bahawa zakat bukan hanya mengurangkan beban, tetapi juga membuka jalan kepada masa depan yang lebih cerah.

## Teduhan Membina Semula Harapan

“Terima kasih kepada semua pengeluar zakat, bantu Mak Cik binakan rumah baru impian keluarga kami selama ini” luah Mak Cik Rafidah penuh syukur setelah menerima kunci rumah baharu hasil bantuan Lzs. Rumah yang dibina menggantikan kediaman lama yang uzur dan tidak selamat ini diserahkan secara rasmi dalam satu majlis yang disempurnakan oleh Y.D.H. ACP Norhizam bin Bahaman, Ketua Polis Daerah Sepang. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Penghulu Mukim Sepang, Ketua Balai Sungai Pelek serta barisan pegawai Lzs dan pihak berkuasa tempatan. Bagi Mak Cik Rafidah dan keluarga, rumah ini membawa harapan baharu dan keselesaan yang amat dinanti. Program ini menjadi bukti bahawa zakat yang disalurkan melalui amil yang sah dapat membantu golongan asnaf dengan lebih berkesan dan berterusan. Terima kasih kepada semua pengeluar zakat – andalah HERO sebenar di sebalik setiap senyuman asnaf.



# Pembangunan Institusi Pendidikan & Impak



# Fakir

Bantuan Keperluan dan Yuran Pendidikan

**RM35,346,617**

Penerima: 11,424

*Menampung yuran persekolahan anak  
asnaf fakir di sekolah kerajaan atau  
sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam  
Selangor (MAIS) / Jabatan Agama Islam  
Selangor (JAIS)*

Biasiswa Pendidikan

**RM11,505,991**

Penerima: 2,654

*Membantu membayar yuran pengajian  
anak asnaf fakir yang mengikuti  
pengajian sepenuh masa di institusi  
pengajian tinggi*

# Miskin

Bantuan Keperluan dan Yuran Pendidikan

**RM62,620,958**

Penerima: 22,369

*Menampung yuran persekolahan anak  
asnaf miskin di sekolah kerajaan atau  
sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam  
Selangor (MAIS) / Jabatan Agama Islam  
Selangor (JAIS)*



## Biasiswa Pendidikan

# RM20,783,798

Penerima: 4,614

*Membantu membayar yuran pengajian anak asnaf miskin yang mengikuti pengajian sepenuh masa di institusi pengajian tinggi*

## Mualaf

### Elaun Kehadiran Kelas Asas Agama

# RM16,369,920

Penerima: 1,544

*Elaun untuk menggalakkan mualaf terus mendapatkan bimbingan agama melalui kehadiran dalam kelas asas agama*

### Elaun Guru Kelas Asas Agama

# RM3,772,080

Penerima: 206

*Insentif bulanan kepada guru Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM)*

### Bantuan Keperluan & Yuran Pendidikan

# RM335,903

Penerima: 323

*Menampung yuran persekolahan anak asnaf mualaf di sekolah kerajaan atau sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) / Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*



# Fisabilillah

Tajaan Huffaz Al-Quran

**RM12,960,200**

Penerima: 5,383

*Seramai 5,383 pelajar tahliz telah dibantu dari segi yuran pengajian di institusi pembelajaran berdaftar*

Bantuan Pendidikan Umum

**RM11,566,124**

Tajaan Pelajar Dalam Negara

**RM1,389,066**

*Bantuan untuk yuran pengajian dan elaun bagi kursus tertentu di institusi pengajian tinggi tempatan*

Tajaan Pelajar Luar Negara

**RM1,796,036**

Penerima: 86

*Bantuan kewangan bagi membiayai yuran pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan elaun pelajar terpilih di institusi pengajian tinggi luar negara*

Bantuan Pendidikan untuk Keperluan Khas

**RM6,981,881**

Penerima: 75

*Bantuan pendidikan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk membiayai yuran pengajian di Pusat Jagaan dan Pendidikan Khas*



# Pembangunan Institusi Agama & Impak



# Fisabilillah

Pembinaan / Pengubahsuaian  
Institusi Agama

**RM26,330,037**

Penerima: 444

*Bantuan kewangan kepada masjid dan surau di institusi pendidikan serta sekolah agama untuk meningkatkan keselesaan dan kemudahan beribadah kepada komuniti Muslim*



# Pembangunan Ekonomi & Impak



# Fakir

Bantuan Modal

## RM835,935

Penerima: 269

Seramai 269 asnaf fakir menerima bantuan modal termasuk untuk perniagaan, ternakan, pertanian dan perikanan

# Miskin

Bantuan Modal

## RM1,961,309

Penerima: 592

Seramai 592 asnaf miskin menerima bantuan modal termasuk perniagaan, penternakan, pertanian dan perikanan

# Mualaf

Bantuan Modal

## RM81,944

Penerima: 29

Seramai 29 asnaf mualaf menerima bantuan modal termasuk perniagaan, penternakan, pertanian dan perikanan





## Zakat Melahirkan Seorang Peguam

Di sebalik kejayaan hari ini, tersimpan sebuah kisah perjuangan yang penuh ketabahan. Fudhla Anas Bin Jamnul Azmin, anak ketiga daripada enam beradik, membesar tanpa kehadiran seorang ayah yang telah pergi menghadap Ilahi. Namun, kesusahan tidak pernah melemahkan semangatnya. Sebagai bekas penerima dermasiswa LZS, bantuan yang diterima bukan sekadar sokongan kewangan – ia menjadi sinar harapan dalam mengubah nasib keluarga.

Ketika berada di tahun akhir pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Syariah Undang-Undang di Universiti Islam Selangor (UIS), Fudhla memilih untuk menyertai Kursus Latihan iKerjaya (KLiK) – Kem Bangkit Kerja 03/2024. Di sinilah beliau mula membina keyakinan, mempersiapkan diri untuk alam pekerjaan dan mengasah potensi diri demi mengejar impian.

Dengan semangat yang tidak pernah luntur, beliau melangkah berani menjalani latihan ‘chambering’ di sebuah firma guaman semasa semester akhir pengajiannya.

Hasilnya, pada tahun 2024, impian yang sekian lama tersemat di hati akhirnya menjadi kenyataan – Fudhla kini bergelar seorang Peguam Syarie.

Kisahnya menjadi bukti bahawa setiap ujian adalah laluan menuju kejayaan, dan dengan usaha serta doa yang tidak pernah putus, impian mampu digenggam.



# Dari Asnaf Kini Jurugambar Profesional

Dahulu, beliau mencari rezeki sebagai jurugambar tadika dan sekolah merakam senyuman anak-anak sebagai sumber pendapatan. Namun segalanya berubah apabila pandemik COVID-19 melanda. Peluang kerja terhenti, dan simpanan yang ada habis digunakan untuk menyara keluarga. Dalam keadaan serba kekurangan, beliau tidak menyerah. Dengan semangat yang luar biasa, beliau menyertai pelbagai kursus keusahawanan anjuran LZS dan TERAS. Dari situ, beliau membina semula keyakinan, mempelajari pengurusan perniagaan dan kewangan yang menjadi tunjang kebangkitan beliau.

Tahun **2022** menjadi titik tolak beliau memilih untuk berdikari dan memohon keluar daripada senarai asnaf. Hasil ketekunan dan ilmu yang diterapkan, perniagaannya kini mampu menjana pendapatan mencecah **RM38,000**. Yang lebih membanggakan, beliau kini bukan lagi penerima zakat sebaliknya menjadi penyumbang. Seorang bekas asnaf yang kini memberi kembali kepada masyarakat, membantu mereka yang pernah melalui jalan sukar sepertinya. Kisah ini adalah bukti bahawa dengan ilmu, bimbingan, dan keazaman yang tinggi, perubahan itu bukan sekadar impian, ia satu kenyataan.



# Pembangunan Insan & Impak



# Fakir

Kursus dan Latihan

**RM124,821**

Penerima: 357

*Merangkumi pembangunan ekonomi,  
kerohanian, sosial dan pendidikan*

## Miskin

Kursus dan Latihan

**RM8,603,202**

Penerima: 598

*Merangkumi pembangunan ekonomi,  
kerohanian, sosial dan pendidikan*

## Mualaf

Program Pembangunan Insan Mualaf

**RM1,246,380**

Penerima: 891

*Menganjurkan program pembangunan  
diri untuk asnaf mualaf*



# Institusi Pembangunan Asnaf




# Institusi Al-Mawaddah oleh Lzs: Jagaan Penuh Kasih

## Melambatkan Dementia, Meningkatkan Harapan

Di Pusat Jagaan Warga Emas Bait Al-Mawaddah, usaha melambatkan proses dementia dilaksanakan melalui program intervensi holistik yang menekankan terapi kognitif, interaksi sosial dan aktiviti harian yang merangsang minda. Objektif utama adalah memperlakukannya kemerosotan fungsi kognitif serta meningkatkan kualiti hidup warga emas yang terlibat. Kisah seperti Pak Cik Ahmat, yang menunjukkan kemajuan selepas tiga bulan mengikuti program ini dari lebih fokus ketika berbual, hingga mampu mengawal emosi menjadi bukti keberkesanan pendekatan ini. Sepanjang tahun 2024, 100% daripada lima penghuni yang dipantau berjaya mengekalkan kestabilan kognitif, manakala empat kes baru dementia berjaya dikesan lebih awal.

Faktor utama kejayaan termasuk kakitangan terlatih, sokongan komuniti penjaga dan rakan-rakan warga emas, serta pelaksanaan aktiviti yang konsisten. Bait Al-Mawaddah membuktikan bahawa dengan perhatian dan kasih sayang, warga emas bukan sahaja boleh hidup bermaruah, malah terus dihargai dalam setiap detik yang mereka miliki.





## Institusi Baitus Salam: Dari Serpihan Ke Sakinah

Muhammad Ivan mula menjakkan kaki ke Baitus Salam pada November 2022 dengan pengetahuan Islam yang sangat asas. Seperti mualaf lain, beliau memulakan langkah dengan belajar solat, mengenal huruf hijaiyah dan membaca Iqra' satu per satu. Namun keazaman yang luar biasa, beliau belajar dengan tekun dan akhirnya berjaya membaca Al-Quran dengan lancar. Hari ini, beliau bukan sahaja menjadi imam dan muazzin di Baitus Salam, malah terus mendalami ilmu bacaan tarannum secara sendiri melalui bacaan Qari di YouTube. Minat itu berkembang menjadi impian.

Pada tahun 2024, impian itu menjadi kenyataan. Dengan penuh yakin, beliau menyertai pemilihan wakil mualaf Selangor untuk Pertandingan Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan. Hasil usaha dan bakatnya, beliau terpilih dan lebih membanggakan, membawa pulang tempat ketiga dalam Mahrajan Amal Islami Mualaf Peringkat Kebangsaan 2024. Perjalanan Muhammad Ivan membuktikan bahawa hidayah apabila disambut dengan ilmu dan kesungguhan, mampu melahirkan insan luar biasa yang menyinari agama dengan penuh rendah hati.





## Institusi Bait Al-Hasanah: Atap yang Meneduhkan Jiwa

### Nur Amin Shah: Istimewa, Namun Tetap Luar Biasa

Dilahirkan pada 31 Ogos 2009, Nur Amin Shah bin Noriskandarshah adalah bukti bahawa kekurangan bukan penghalang kejayaan. Walaupun merupakan pelajar OKU Pembelajaran dan membesar dalam keluarga asnaf di PPRT Taman Putra Damai, beliau tidak pernah menjadikan cabaran sebagai alasan untuk menyerah. Sejak menyertai asrama Bait Al-Hasanah pada 2022 dan mengikuti kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di SMK Sungai Kapar Indah, Nur Amin aktif mencipta kejayaan. Beliau pernah dinobatkan Johan Pertandingan Tarannum dan Naib Johan e-NILAM peringkat daerah, pencapaian yang luar biasa bagi seorang pelajar istimewa.

Kini, dengan semangat yang tak pernah luntur dan sokongan padu dari keluarga serta pihak asrama, Nur Amin melangkah ke fasa baru dalam hidupnya, melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran kulinari di Institusi *Five Best Skill Training*. Kisahnya mengajar kita bahawa dengan peluang, bimbingan dan keazaman, sesiapa pun mampu mencipta kejayaan bahkan dari titik tolak yang paling mencabar. Nur Amin Shah adalah sinar harapan buat semua yang percaya bahawa keistimewaan adalah kekuatan.



# Kutipan Demi Perubahan



Kutipan Zakat

**RM 1.22 Bilion**

**8.9%**

Peningkatan kutipan zakat pada tahun 2024 berbanding 2023

# Saluran Kutipan Pertumbuhan Tertinggi

Kutipan zakat yang kukuh membolehkan Lzs melaksanakan pelbagai inisiatif bantuan dan program pembangunan yang memberi kesan ketara kepada golongan asnaf. Dana yang diperoleh digunakan secara strategik untuk menyalurkan bantuan kebajikan, merangsang pembangunan ekonomi, serta memperkuuh institusi agama. Pendekatan ini memastikan golongan yang memerlukan menerima sokongan yang konsisten, menyeluruh dan berkesan.

**380,000+**

Jumlah Muzzaki

**RM712.39 Juta**

Kutipan Zakat Tertinggi

Zakat Pendapatan

**RM546.79 Juta**

Kutipan Zakat melalui  
Potongan Gaji & Korporat

(Peningkatan 5% berbanding tahun  
sebelumnya)



# Satu Ibadah, Pelbagai Saluran



## Jenis-Jenis Zakat

Kutipan zakat yang signifikan ini membolehkan Lzs untuk melaksanakan pelbagai program bantuan dan pembangunan yang memberi impak besar kepada golongan asnaf. Dana zakat digunakan untuk menyalurkan bantuan,

pembangunan ekonomi dan pembangunan institusi agama. Ini memastikan golongan yang memerlukan mendapat sokongan yang berterusan dan berkesan.



**RM712.39 Juta**

Pendapatan



**RM199.15 Juta**

Perniagaan



**RM129.9 Juta**

Simpanan



**RM40.96 Juta**

Fitrah



**RM70.15 Juta**

Harta



**RM22.28 Juta**

Saham



**RM32.66 Juta**

KWSP



**RM0.13 Juta**

Perak



**RM9.28 Juta**

Emas



**RM0.03 Juta**

Ternakan



**RM1.17 Juta**

Tanaman

# Kutipan Demi Perubahan

## Inisiatif 2024

Inisiatif seperti Crowd Zakat dan RADIUZ oleh LZS telah menjadi pemangkin kepada peningkatan kutipan zakat di Selangor. Crowd Zakat memanfaatkan konsep *crowdfunding* untuk membolehkan masyarakat menunaikan zakat secara lebih mudah, telus dan bermakna dengan memilih jenis bantuan mengikut keprihatinan masing-masing. Manakala RADIUZ, singkatan kepada Rakan *Affiliate* Dakwah Kutipan Zakat, merupakan program *affiliate* yang membolehkan individu

bertindak sebagai ejen pemasaran digital LZS. Melalui RADIUZ, peserta boleh menjana komisen apabila kenalan atau ahli keluarga menunaikan zakat melalui pautan promosi mereka. Gabungan kedua-dua inisiatif ini bukan sahaja memperluas capaian dakwah zakat secara digital, malah turut meningkatkan kesedaran, penglibatan dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem kutipan zakat di Selangor.

The screenshot shows the RADIUZ website interface. At the top, there's a navigation bar with links for UTAMA, TENTANG, RADIUZ, HUBUNGI, LOG MASUK, and DAFTAR. The main content area features a large illustration of a man speaking into a megaphone, surrounded by people and money symbols, with the text "Bantu usaha dakwah zakat melalui Rakan Affiliate Dakwah Kutipan Zakat (radiuz)". Below this, a sub-section says "Jana pendapatan sampingan sambil berdakwah zakat". To the left, there's a "Tentang" section with text about the program, and a "Konsep" section explaining Affiliate Marketing. To the right, there's an "Matlamat" section with text about spreading zakat knowledge. At the bottom, a call-to-action button says "DAFTAR SEKARANG".

# RADIUZ: Menyebar Dakwah, Menjana Ganjaran

RADIUZ atau Rakan Affiliate Dakwah Kutipan Zakat merupakan inisiatif LZS yang menggunakan konsep pemasaran *affiliate* bagi memperluas dakwah zakat secara digital. Melalui program ini, individu bertindak sebagai ejen digital yang mempromosikan perkhidmatan dan kampen zakat LZS kepada kenalan dan komuniti mereka melalui pautan khas. Setiap transaksi zakat yang berjaya melalui pautan tersebut akan melayakkan RADIUZ menerima komisen sebanyak 1%.

RADIUZ bukan sahaja menawarkan peluang pendapatan sampingan, malah menjadikan usaha dakwah lebih inklusif dan berimpak. Peserta boleh berdakwah secara fleksibel, pada bila-bila masa dan dari mana sahaja, melalui media sosial dan platform digital lain.

Kriteria penyertaan termasuklah beragama Islam, warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, mempunyai rekod pembayaran zakat kepada LZS, serta akaun media sosial yang aktif dan bersifat umum. Individu juga perlu menunjukkan sahsiah diri dan etika berpakaian yang sopan.

Sehingga kini, RADIUZ mencatatkan kutipan zakat melebihi RM108,000 dengan penyertaan seramai 18 individu, termasuk tokoh berpengaruh seperti Nazri Hamdan, Ahmad Faiz (Financial Faiz) dan Dai' Izzhar.


RADIUZ bukan sahaja memperluaskan capaian kutipan zakat, malah menggalakkan penglibatan masyarakat dalam ibadah zakat secara mudah, telus dan memberi impak kepada komuniti asnaf.

Sertai RADIUZ di: [radiuz.zakatselangor.com.my](http://radiuz.zakatselangor.com.my)



# Crowd Zakat

## Crowd Zakat: Zakat Digital Secara Tersasar



Crowd Zakat ialah *platform* zakat digital oleh LZS yang berkonsepkan *crowdfunding*, membolehkan pengeluar memilih jenis bantuan yang ingin disokong seperti pendidikan, perubatan, keperluan harian dan ekonomi asnaf. *Platform* ini direka untuk memberi pengalaman berzakat yang lebih bermakna, telus dan interaktif, serta mudah diakses 24/7. Ia turut memperkuuh kepercayaan masyarakat melalui ketulusan maklumat dana dan agihan.

Impaknya, Crowd Zakat berjaya menarik minat pengeluar zakat generasi muda dan membantu penyaluran zakat secara lebih tepat. LZS merancang untuk memperluas fungsi *platform* ini melalui integrasi media sosial dan pembangunan aplikasi mudah alih.

# Zakat On Wheels (ZOW)



Zakat On Wheels (ZOW) adalah inisiatif perkhidmatan zakat bergerak yang diperkenalkan oleh Lzs untuk memudahkan masyarakat menunaikan zakat dan mendapatkan maklumat berkaitan zakat secara langsung di lokasi mereka. Objektif program:

- Memudahkan masyarakat menunaikan zakat tanpa perlu ke cawangan Lzs
- Meningkatkan kesedaran tentang kewajipan berzakat
- Memberikan penerangan dan khidmat nasihat berkaitan zakat kepada masyarakat

Program ditawarkan:

- Penerimaan bayaran zakat pelbagai jenis (pendapatan, perniagaan, emas, dll)
- Khidmat nasihat dan taksiran zakat oleh pegawai zakat
- Pendaftaran dan semakan bantuan zakat untuk asnaf
- Penerangan mengenai program-program bantuan dan pembangunan asnaf

# Program Singgah Sekejap & ZIKRA



Program Singgah Sekejap dan Ziarah *Influencer* dan Korporat ke Asnaf (ZIKRA) 2024 dianjurkan dengan objektif utama untuk:

1. Mendidik masyarakat tentang taksiran zakat dengan lebih mudah dan tepat
2. Mempercepatkan pembayaran zakat di cawangan atau secara dalam talian
3. Mewujudkan sentimen positif terhadap kempen taksiran dan pembayaran zakat
4. Memaklumkan aktiviti kutipan & agihan zakat di cawangan dan kawasan sekitar
5. Mengelakkan kepercayaan pengeluar zakat terhadap LZS
6. Memberi peluang pelanggan menyantuni asnaf secara langsung

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 8 siri program telah dijalankan di lokasi terpilih seluruh Selangor termasuk Bandar Baru Bangi, Kuala Selangor, Alami, Saujana KLIA, Sungai Besar, Subang, Hulu Selangor dan Alami (sekali lagi pada Disember). Daripada pelaksanaan program ini, sebanyak 23 rumah asnaf telah diziarahi secara langsung oleh pihak LZS bersama-sama peserta korporat dan individu yang terlibat.

Dalam aspek penglibatan masyarakat, program ini berjaya menarik penyertaan sekurang-kurangnya 15 individu dan lebih 31 penyertaan dari kalangan korporat dan NGO. Antara penglibatan korporat yang ketara termasuklah program baik pulih surau, serahan bantuan modal dan agihan, serta pelaksanaan program-program komuniti seperti *Start With Seringgit*, Jejak Kemiskinan Asnaf, dan Sekolah Angkat Zakat Selangor (PROSAZ). Turut diadakan ialah serahan dermasiswa pengajian tinggi dan pelancaran kempen khas seperti Kempen Sama-sama Kongsi dan kod QR aduan pelanggan.

Keseluruhannya, program Singgah Sekejap & ZIKRA 2024 berjaya mencapai objektifnya dalam memperkuuh hubungan antara pengeluar zakat, pihak korporat dan golongan asnaf, di samping meningkatkan kesedaran dan keprihatinan terhadap peranan zakat dalam pembangunan ummah.



# Penolong Amil Kariah

**Penolong Amil Kariah Lzs** merujuk kepada individu yang dilantik oleh Lzs untuk membantu urusan berkaitan zakat di peringkat masjid atau surau kariah dalam sesuatu kawasan. Mereka ini bukan kakitangan tetap Lzs, tetapi merupakan wakil sukarela atau lantikan rasmi yang memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat setempat.

Tugas dan Peranan Penolong Amil Kariah:

1. Membantu Proses Agihan Zakat
  - Mengenal pasti asnaf di kawasan kariah
  - Menyemak dan menilai permohonan bantuan zakat dari penduduk setempat
  - Menjadi penghubung antara pemohon dan pegawai Lzs
2. Memberi Maklumat dan Kesedaran
  - Menyampaikan maklumat berkaitan zakat kepada masyarakat
  - Memberi penerangan tentang kewajipan membayar zakat, jenis-jenis zakat dan cara pembayarannya
3. Membantu Urusan Dokumentasi
  - Membantu mengisi borang permohonan
  - Menyediakan laporan sokongan berdasarkan pemerhatian terhadap pemohon zakat

4. Menyokong Program Lzs di Peringkat Kariah
  - Terlibat dalam program saringan, bancian, atau penyampaian bantuan anjuran Lzs
  - Memberi maklum balas berkala kepada Lzs berkenaan isu-isu kebijakan dan zakat di kawasan mereka

**Ciri-Ciri Penolong Amil:**

- Biasanya imam, bilal, ahli jawatankuasa masjid atau individu yang dikenali dalam komuniti
- Berintegriti, jujur dan mempunyai pengetahuan asas tentang hukum zakat dan latar belakang masyarakat setempat
- Dilantik secara rasmi dan diberi taklimat serta latihan oleh Lzs

**Kenapa Wujudnya Peranan Ini?**

Sebab utama ialah untuk mempercepatkan bantuan zakat sampai ke tangan yang layak, terutama bagi mereka yang tinggal jauh dari pejabat Lzs. Penolong Amil menjadi mata dan telinga Lzs di lapangan – mereka memahami realiti setempat dan boleh menilai keadaan sebenar dengan lebih cepat dan tepat.

# Kemudahan Pembayaran Zakat

LZS terus berlitzam untuk mempermudah urusan pembayaran zakat bagi para muzakki di seluruh negeri Selangor. Sepanjang tahun 2024, pelbagai saluran pembayaran yang inovatif dan mudah dicapai telah diperkenalkan bagi memastikan setiap individu dapat melaksanakan tanggungjawab zakat mereka dengan lebih mudah dan efisien.

Melalui kemudahan ini, LZS berusaha untuk memastikan proses pembayaran zakat berlangsung dengan lebih pantas, selamat dan lancar, selari dengan matlamat kami untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Para pengeluar zakat mempunyai pelbagai

pilihan kaedah untuk menunaikan zakat, termasuk melalui cawangan-cawangan LZS di seluruh Selangor, kaunter bergerak Zakat On Wheels, perunding zakat, serta *platform* dalam talian di [fpz.zakatselangor.com.my](https://fpz.zakatselangor.com.my). Di samping itu, kemudahan pembayaran juga tersedia melalui kad debit dan kad kredit Islamik, mesin ATM, perbankan mudah alih serta kiriman pos.

Kami turut menjalin kerjasama dengan pelbagai institusi kewangan dan syarikat teknologi bagi menyediakan *platform* pembayaran yang lebih meluas serta mudah diakses. Melalui inisiatif ini, kami berharap dapat mempertingkatkan kesedaran dan kepatuhan umat Islam di Selangor terhadap tanggungjawab menunaikan zakat.

## Cawangan/Kaunter

- 19 Cawangan LZS di seluruh Selangor
- Kaunter bergerak (Zakat On Wheels)
- Perunding Zakat

## Mesin ATM

- BIMB
- Public Bank
- OCBC Bank

## Kad Debit & Kad Kredit Islamik

- Di semua cawangan LZS seluruh negeri Selangor
- Kad Debit MEPS
- Mobile Terminal Perunding Zakat

## Zakat Fitrah

- Penolong Amil Fitrah
- <https://fpz.zakatselangor.com.my>

## Khidmat Pembayaran

- <https://fpz.zakatselangor.com.my>
- Direct Debit

## Kiriman Pos

- Cek/Kiriman Wang/Draf Bank/Wang Pos

## Padi

- Penolong Amil Padi

## Mobile Banking

- Maybank - Phone Banking  
(Dial 1300-88-6688)
- i-TAP (Bank Islam)
- Mobile Apps Zakat Selangor



## Ejen Kutipan Zakat

### **Platform Saluran Pembayaran**

- Affin Islamic Bank Berhad
- Alliance Islamic Bank Berhad
- Ambank Berhad & Amfinance Berhad
- Axiata BOOST
- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Agro Bank
- Bank Simpanan Nasional
- CIMB Bank Berhad
- Hong Leong Islamic Bank Berhad
- Maybank Islamic Berhad
- MYEG Services Berhad
- Pos Malaysia Berhad
- Public Bank Berhad
- Touch 'n Go Digital
- U Mobile Sdn. Bhd. (GOPAYZ)
- GPAY Network(M) Sdn. Bhd.
- ECART Services Malaysia Sdn. Bhd. (LAZADA)
- Tulus Digital (TULUS)
- Mobilityone Sdn. Bhd.
- Selangkah Ventures Sdn. Bhd. (SELANGKAH APPS)



## Penolong Amil IPTA & IPTS

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)
- Management & Science University (MSU)
- Unitar Capital Sdn. Bhd.
- University Infrastructure Kuala Lumpur (UIKL)
- University Of Cyberjaya (Dahulunya Dikenali Sebagai CUCMS)
- Universiti Selangor (UNISEL)
- Universiti Teknikal Mara Sdn. Bhd. (UNIKL)
- Universiti Telekom Sdn. Bhd. (MMU)
- Universiti Tenaga Nasional Sdn. Bhd. (UNITEN)
- SAITO University College
- University Malaysia of Computer Science & Engineering (UNIMY)
- City University
- Asia E-University (ASIA eLearning Sdn. Bhd.)
- Universiti Malaya (UM)
- UNITAR Capital Sdn. Bhd.

## **Penolong Amil Institut Pendidikan Islam Swasta**

- Akademi Tahfiz Al Quran Dan Vokasional
- Akademi Tahfiz Daar Ulil Albab
- Al-Bayan School Of Quran & Hadith
- Darul Quran Al Hadith As Soffa
- Institut Uthmani Darul Hadis
- Maahad Al-Tahzib Waal-Ta'alim
- Maahad Habibullah Al-Hafiz
- Maahad Hafiz Klang
- Maahad Ihya' Al-Ahmadi
- Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah
- Maahad Integrasi Tahfizul Quran An-Nasr D'itqan
- Maahad Tahfiz Al-Aqsa
- Maahad Tahfiz Al-Muqri
- Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Muthiah
- Maahad Tahfiz Al-Hidayah Wal Ehsan
- Maahad Tahfiz Al-Itqaan (MTI)
- Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Munawwarah
- Maahad Tahfiz Al-Quran Arabic Baitul Rahman
- Maahad Tahfiz Al-Quran At-Taqwa
- Maahad Tahfiz Al-Quran Lil Muttaqin
- Maahad Tahfiz Al-Quran Wa As Sunnah (MTAQWAS)
- Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Shah Alam
- Maahad Tahfiz At-Tayyibah
- Maahad Tahfiz Bandar Hillpark
- Maahad Tahfiz Darul Azhar
- Maahad Tahfiz Darul Fuqaha
- Maahad Tahfiz Darul Hafidzin
- Maahad Tahfiz Hidayatul Mustaqim
- Maahad Tahfiz Integrasi Dar-Al Hikmah
- Maahad Tahfiz Sains Dan Teknologi Darul Ehsan
- Maahad Tahfiz Sains Fatimah Az Zahrah (MTSFAZ)
- Maahad Tahfiz Sulaimaniyah (MTS)
- Maahad Tahfiz Tahfiz Al-Quran Qasimul Ulum
- Maahad Tahfiz Turath Addimiyati
- Maahad Tahfiz Wattarbiyah
- Maahad Turath Al-Islami
- Madrasah Al-Huffaz Wal-Ulum
- Madrasah At-Tazkiyah
- Madrasah Nurul Ilmi
- Madrasah Quran Darussalamah
- Madrasah Syahadah Tahfiz Al-Hidayah
- Madrasah Tahfiz Al-Furqan
- Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum
- Madrasah Tahfizul Quran Wa Ta'alim Al-Islamiyyah
- Madrasatul Quran Yaakubiyah
- Pusat Pengajian Tahfiz Raudhatul Ulum
- Akademi Integrasi Tahfiz Al-Falah
- Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Islah (MTAQAI)

## **Penolong Amil Institut Pendidikan Islam Swasta**

- Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Faqeh
- Maahad Tahfiz Al-Hikmah Shah Alam
- Maahad Tahfiz Ismail
- Pondok Tarbiyah Hj. Siraj
- Madrasah Tahfiz Al-Hirah
- Maahad Tahfiz Darul Hikmah
- Maahad Tahfiz Al-Fateh
- Madrasah Tarbiyatul Mustafa
- Madrasah Tahfiz Darul Ma'wa
- Akademi Huffaz Al-Aqwa
- Darul Quran PITAS
- Institut Tahfiz Darul Muttaqin
- Madrasah Tahfiz Ar-Raudhah
- Maahad Tarbiah Islam Asoffa
- Markaz Dakwah Wattarbiah Islamiah Al-Ansar
- Pusat Pengajian Al Quran Dan Hadith Maarif Al-Wahyu
- Madrasah Tahfiz Al-Amani
- Maahad Tarbiyah Wa Tahfiz Darul Muariff
- Madrasah Tahfizul Quran Darul Furqan
- Maahad Tahfiz An Nabawi
- Dzul Iman Quranic Life School
- Khalifah School Sdn. Bhd.
- Sekolah Menengah Agama Islam Al Taqwa (SMAT)
- Sekolah Rendah Islam Al-Hijrah
- Sekolah Rendah Islam Darul Ehsan
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Amin (SRIIAA)
- Sekolah Rendah Islam Integrasi As-Syakirin
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Ibn Kathir
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Al-Ghazali
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Amin Darul Musthofa
- Sekolah Rendah Islam Tahfiz Al-Mansoorah
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Hira' (Batu Belah)
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Imtar
- Sekolah Islam Integrasi Safinatun Najah
- Sekolah Menengah Islam Al-Farabi
- Sekolah Rendah Huffaz
- Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) Kota Raja
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Kajang Perdana
- Sekolah Rendah Ibn Khaldun
- Sekolah Rendah Islam Al-Firdaus Klang
- Sekolah Menengah Islam Manarat Darus Salim
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Bestari
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Pintar Bukit Jelutong
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Amin Bukit Jelutong
- Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmu Selangor
- Maahad Tahfiz Kebajikan Amal Ummah
- Maahad Tahfiz Nur Al Deen
- Darul Huffaz Ummul Qura
- Sekolah Rendah Islam Integrasi Ar Raudhah
- Sekolah Rendah Islam Al Amin Putra Mahkota



# Ejen Perunding

## Firma Audit

- Afsha Syariah Advisory Sdn. Bhd.
- Atarek Kamil Ibrahim & Co.
- Headir & Co.
- MHM Associates
- Mohd Nizaruddin & Co.
- Mohd Hafiz & Co.
- Khadijah International WAQF (L) Foundation
- Talasco Dagang Sdn. Bhd.
- Astute Principle Resources
- Ikhlas Com Travel Sdn. Bhd.
- KBSE Bullion Sdn. Bhd.
- ABRAR Corporate Services Sdn. Bhd.
- Unigold Strategy Sdn. Bhd.
- Wise Pro Solution PLT
- Nor Luminous Sdn. Bhd.
- Miann Empire
- Arisma Foundation
- Akal Advisors PLT
- KAB Goldnamic Sdn. Bhd.
- ZKEY Management & Resources
- Masryef Management House Sdn. Bhd.
- Ar Rizqie Sdn. Bhd.
- Amanah Warisan Berhad
- Star Wealth Management & Consultancy
- Shaznik Private Wealth Advisor
- Danial ASR Consultancy

## Syarikat

- AMACC Corporate Services
- As-Salihin Trustee Berhad
- AUB Resources
- Efficient Frontier Capital Advisors Sdn. Bhd.
- Transtech Solution Sdn. Bhd.
- SKY7 Ventures Sdn. Bhd.
- I Consult And Service Solutions PLT
- Islamic Relief Malaysia
- CIDB Holdings Sdn. Bhd.
- MT Bandar Hillpark Services
- Geospatial Sciences And Geomatics Education Group Sdn. Bhd.

## **Yayasan/Persatuan**

- Persatuan Pengguna Islam Malaysia
- Persatuan Autisme Berkefungsian Tinggi Malaysia
- The Malay College Old Boys Association
- Hidayah Center Foundation
- Humanitarian Care Malaysia
- Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia
- Yayasan Anak Anak Yatim Wardatul Jannah
- Yayasan Pelajaran MARA
- Yayasan Ikhlas
- Yayasan Amal Asas
- Yayasan Johawaki
- Dewan Perdagangan Islam Malaysia
- Yayasan Maghfirah
- Yayasan Zaiyadul
- Yayasan Hubbul Quran
- Yayasan Prihatin Insan
- Pertubuhan Amal Darul Fauzan
- Pertubuhan Fitrah Ummah Kuala Lumpur & Selangor
- Erth Al Mustafa Foundation
- Arba Foubdation
- Persatuan Takaful Malaysia
- Yayasan Muslimin Malaysia Berhad
- Persatuan Kebajikan Hawariyyun
- Persatuan Pendidikan Rakyat
- Yayasan Pembangunan Pelajar
- Yayasan Budi Ihsan Malaysia
- Pertubuhan Hati Suci
- Pertubuhan Pusat Kajian Pemikiran dan Perbadanan Ummah
- Persatuan Cinta Gaza Malaysia

## **Koperasi**

- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
- Koperasi Remisier Bumiputra Berhad
- Koperasi Kariah Masjid Taman Tun Dr. Ismail Jaya Shah Alam
- Koperasi Kariah Masjid Saujana Utama Sg. Buloh

## **Ejen Individu**

- Senarai 22 ejen individu dilantik

\***Nota : Untuk maklumat terkini, sila layari [www.zakatselangor.com.my](http://www.zakatselangor.com.my)**

# Cawangan LZS



# Cawangan LZS

LZS mempunyai 19 cawangan di seluruh negeri Selangor bagi memastikan perkhidmatan kutipan dan agihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan menyeluruh. Setiap cawangan dilengkapi dengan kakitangan terlatih yang bersedia untuk membantu dan memberi panduan kepada pengeluar zakat serta penerima zakat.

Dengan komitmen untuk memberikan perkhidmatan terbaik, LZS menyediakan kemudahan untuk menunaikan kewajipan zakat dan mendapatkan maklumat serta bantuan yang diperlukan zakat.

## Daerah Petaling

### 📍 Cawangan ALAMi

Bangunan Zakat Selangor  
3-01-1 Presint ALAMi,  
Pusat Perniagaan Worldwide 2,  
Persiaran Akuatik Seksyen 13,  
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

### 📍 Cawangan Kompleks UTC Shah Alam

Lot G-8A, Kompleks UTC Selangor@Anggerik Mall,  
No. 5, Jalan 14/8, Seksyen 14,  
40000 Bandaraya Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Masjid Negeri

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
Tingkat Bawah Persiaran Masjid,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

### 📍 Cawangan Subang Jaya

Masjid Darul Ehsan Subang Jaya,  
Jalan SS15/2E,  
47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Damansara

Masjid Mujahideen SS 21/23  
Damansara Utama, 46300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Masjid Kota Damansara

Jalan Sepah Puteri 5/21,  
Kota Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Puchong

No. 32, Jalan Puteri 4/2,  
Bandar Puteri, 47100 Puchong,  
Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Ibu Pejabat

Menara Zakat Sultan Idris Shah,  
No. 1, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

## Daerah Klang

### 📍 Cawangan Kompleks MAIS Klang

Lot 336G, Jalan Meru Off Jalan Kapar,  
41050 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Kuala Selangor

### 📍 Cawangan Kuala Selangor

No. 2 & 4, Jalan Melati 3/19,  
Bandar Malawati,  
45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Sabak Bernam

### 📍 Cawangan Sungai Besar

No. 6 & 7, PT 5607 & 5608,  
Jalan Gemilang 1, Taman Gemilang,  
45300 Sungai Besar,  
Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Sepang

### 📍 Cawangan Saujana KLIA

No. 38 & 40, Jalan Saujana KLIA,  
Taman Saujana KLIA,  
43900 Sepang,  
Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Kuala Langat

### 📍 Cawangan Banting Klang

No.19, Jalan Sri Pekan 5,  
Medan Sri Pekan,  
42700 Banting,Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Hulu Langat

### 📍 Cawangan Kajang

G-08 & 1-08, Jalan Reko,  
Saville Kajang, 43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Bandar Baru Ampang

No.1A, Jalan Wawasan 4/6,  
Bandar Baru Ampang,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Bandar Baru Bangi

No.163A Jalan 8/1, Seksyen 8,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Gombak

### 📍 Cawangan Taman Melati

Unit 340 A, Melawati Square,  
Lorong Sarawak, Taman Melawati,  
53100 Gombak, Kuala Lumpur,  
Selangor Darul Ehsan.

### 📍 Cawangan Bandar Baru Selayang

No. 17, Jalan 2/16,  
Dataran Templer,  
Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,Selangor Darul Ehsan.

## Daerah Hulu Selangor

### 📍 Cawangan Kuala Kubu Bharu

Tingkat Bawah Bangunan Haji Khalid,  
Lot 16 Seksyen 7 Jalan Mat Kilau,  
44000 Kuala Kubu Bharu,  
Selangor Darul Ehsan.

# Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)





Perjalanan Lzs dalam bidang kelestarian bermula pada tahun 2023 dengan pelaksanaan pendekatan dan rangka kerja kelestarian, seiring dengan penerbitan laporan kelestarian berasingan yang pertama.

Sejak pengenalan prinsip ESG, Lzs menunjukkan komitmen yang semakin kukuh terhadap pelan, inisiatif dan program kelestarian. Semua pihak dalam organisasi memainkan peranan aktif dalam menjayakan usaha ini dan hasilnya mula dirasai dalam bentuk impak positif terhadap komuniti yang dilayani.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Rangka Kerja ESG Lzs diselaraskan dengan aspirasi kelestarian serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang diiktiraf di peringkat

global. Ia turut sejajar dengan hasrat Lzs untuk menjadi institusi zakat yang mengamalkan piawaian pengurusan bertaraf antarabangsa. Rangka Kerja dan Hala Tuju ESG kini menjadi asas utama dalam operasi kami.

Lzs telah merangka empat tema ESG utama dengan objektif yang jelas:

- Memberi khidmat kepada komuniti asnaf
- Menjunjung amanah dan integriti berlandaskan prinsip Syariah
- Membangunkan potensi dan keupayaan warga kerja
- Mempromosikan pemeliharaan alam sekitar melalui tindakan iklim

Kesemua tema ini membantu memberikan hala tuju yang jelas dalam mengenal pasti isu utama ESG yang perlu ditangani oleh Lzs, serta

menyumbang secara bermakna ke arah pencapaian SDG terpilih.

LZS turut mengukur dan menilai keberkesanannya ini melalui 11 perkara penting dalam operasi harian, dengan kerjasama strategik bersama rakan luar. Langkah-langkah strategik juga telah digariskan untuk

memastikan kemajuan dan pencapaian kekal berada di landasan kelestarian yang ditetapkan.

LZS memenangi *Organisation of the Year (Zakat Management)* yang dianugerahkan dalam *Sustainability and CSR Malaysia Awards 2024*.

# Pencapaian Utama Kelestarian

## Sumbangan Sosial



**RM1.19 Billion**

Jumlah Agihan Kepada Asnaf 2024

60% daripda jumlah agihan diberikan kepada keluarga fakir dan miskin



**RM780.3 Juta**

Dibelanjakan untuk

**Program Pembangunan Sosial**



**RM13.9 Juta**

Dibelanjakan untuk

**Program Pembangunan Ekonomi**



**39,596 Jam**

Jumlah jam latihan untuk

**Kakitangan LZS**

(61 jam setiap kakitangan)



**5,081**

Keluarga berjaya keluar dari status

**Fakir/Miskin**



**RM194.2 Juta**

Dibelanjakan untuk

**Program Pembangunan Pendidikan**



**77,872**

Keluarga asnaf

**Fakir, Miskin & Mualaf** yang dibantu



**565**

Kakitangan menerima latihan berkaitan

**Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)**



**50%**

Wanita dalam

**Pengurusan Tertinggi**

# Tadbir Urus

- Organisasi Zakat yang pertama di Malaysia yang melancarkan laporan kelestarian selaras dengan GRI dan SDG PBB
- Diperakui dengan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)
- Diperakui dengan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR)
- Penyiapan profil tinjauan ESG untuk:
  - 300 Vendor
  - 100 Asnaf

## Pemeliharaan Alam Sekitar



**232 tCO<sub>2</sub>e**

Pelepasan GHG Skop 1



**1,820 tCO<sub>2</sub>e**

Pelepasan GHG Skop 2



**79,216 m<sup>3</sup>**

Penggunaan Air



**540 kg**

Bahan Kitar semula



**11%**

Pengurangan penggunaan diesel berbanding tahun sebelumnya



**3,302.56 GJ**

Penggunaan tenaga tidak boleh baharu



**8,465.95 GJ**

Penggunaan tenaga elektrik yang diperoleh



**15.44 GJ**

Penggunaan tenaga boleh baharu



**4,290 kWh**

Tenaga solar dijana



**3.32 tCO<sub>2</sub>e**

Pelepasan GHG dikurangkan



## Anugerah

- *Organisation of the Year (Zakat Management)* dari *Sustainability and CSR Malaysia Award 2024*
- AKPK *Synergistic Collaborator Awards 2024* dari AKPK (Agenzi Kaunseling dan Pengurusan Kredit)
- Pemenang, Anugerah Projek Terbaik Peringkat Kebangsaan dari PERKESO semasa Kongres Sinergi Sosial 2024
- 30 Teratas dalam *JCI Sustainable Development Awards 2024*

# Kerjasama Strategik





Kerjasama strategik merupakan antara pemacu utama keberkesanan agihan dan kelestarian pengurusan zakat di Lzs. Sepanjang tahun 2024, Lzs terus memperkuuh jaringan bersama agensi kerajaan, badan korporat, institusi pendidikan, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperluas capaian dan impak bantuan kepada golongan asnaf. Melalui sinergi ini, pelaksanaan program menjadi lebih menyeluruh, tersusun dan lestari, membuktikan bahawa zakat mampu digerakkan secara bersepdu demi manfaat ummah yang lebih besar.

Di Lzs, kami percaya bahawa kekuatan sebenar terletak pada kerjasama. Dengan sokongan rakan strategik dari pelbagai bidang – termasuk sektor korporat, NGO, institusi pendidikan dan agensi kerajaan – kami dapat melangkah lebih jauh dalam membantu golongan asnaf. Kerjasama yang terjalin ini bukan sekadar menyampaikan bantuan, tetapi turut menyemai

nilai perpaduan dan semangat komuniti. Setiap program yang dijalankan bersama bukan sahaja memberi kesan langsung kepada mereka yang memerlukan, malah turut merapatkan hubungan antara pelbagai pihak dalam masyarakat. Melalui pelbagai inisiatif seperti program CSR, kami berjaya menggabungkan kepakaran dan sumber daripada rakan strategik untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama – membina masa depan yang lebih baik untuk semua.

Apa yang paling kami hargai ialah semangat kebersamaan. Sokongan dan sumbangan yang diberi telah membuka ruang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan zakat, di samping meluaskan capaian bantuan kami. Dengan usaha kolektif ini, kita bukan sahaja mencipta perubahan, tetapi membentuk impak yang berkekalan – demi kemajuan golongan asnaf dan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan.





# Rakan Kolaborasi

- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- PERKESO
- Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- Kementerian Sumber Manusia (Kesuma)
- Food Institute Malaysia (FIM)
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
- Hidayah Centre
- Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
- Institut Latihan Islam Dakwah Negeri Selangor (ILDAS)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
- Jabatan Kerja Sosial Perubatan
- Bahagian Pengurusan Masjid (JAIS)
- Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM
- ICU Selangor
- MEDKAD Sdn. Bhd
- Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKKL)
- CENVIRO Berhad
- Pihak Masjid



# Mencipta Nilai Bersama

## Visi

Menjadi peneraju institusi zakat yang menitikberatkan isu sosial dalam strategi korporat.

## Misi

Memberi bantuan kepada golongan memerlukan dengan penuh tanggungjawab, berteraskan nilai Lzs.

Mencipta Nilai Bersama atau *Creating Shared Value (CSV)* merupakan pendekatan strategik LZS yang menggabungkan matlamat dan peluang perniagaan untuk mencipta nilai bersama yang mampan bagi masyarakat dan organisasi.

## Objektif

- Memberi bantuan kepada golongan memerlukan dengan penuh tanggungjawab, berteraskan nilai Lzs.
- Menggabungkan kepakaran dan aset korporat bagi menangani isu sosial
- Mewujudkan sinergi antara peluang perniagaan dan keperluan masyarakat

## Nilai Teras

### Kerjasama

### Amanah

### Empati

### Komitmen

CSV dilaksanakan secara sistematik melalui tiga fasa:

- Rancang – Kenal pasti projek dan rancang sumber

- Buat – Laksanakan projek dengan strategi yang ditetapkan
- Lihat – Nilai impak projek dari sudut sosial, alam sekitar dan ekonomi

# Contoh Projek CSV

Melalui CSV, LZS bukan hanya mengurus zakat secara efisien, tetapi juga mencipta nilai bersama melalui kerjasama strategik dengan

sektor korporat, NGO dan masyarakat demi kesejahteraan bersama.



PENDIDIKAN

## Biasiswa Latihan Kemahiran



KESIHATAN

## Rawatan Perubatan & Kempen Kesihatan



EKONOMI

## Modal & Bimbingan Untuk Peniaga Kecil Asnaf



SOSIAL

## Program Komuniti & Aktiviti Perpaduan Masyarakat

# Kelas Intervensi 3M

## Membaca, Menulis, Mengira

Kelas Intervensi Membaca LZS bertujuan untuk membantu anak-anak yang berasal dari keluarga B40 memperoleh kemahiran membaca. Inisiatif ini dibangunkan oleh LZS dan Adab Youth Garage (AYG).

Pelajar dari lima cawangan terpilih, masing-masing dengan 50 pelajar, mengambil bahagian dalam kelas ini. Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan, dengan 25 pelajar dalam setiap kumpulan.



Cawangan yang terlibat ialah:

- PPR Kota Damansara (Perpustakaan @ AYG Kota Damansara)
- Pangsapuri Rimba Jaya (Garaj Belia MBSA)
- PPR Lembah Subang 1 (Y-Hub KBS Selangor)
- AYG kampung Bukit Cherakah
- AYG Taman Medan Jaya

Perpustakaan @ AYG Kota  
Damansara



# Kelas Mengaji

Melalui inisiatif di bawah *Creating Shared Value (CSV)*, Lzs komited memperluas akses pembelajaran Al-Quran kepada komuniti yang memerlukan, khususnya dalam kalangan asnaf. Program ini bukan sekadar membina celik huruf Al-Quran, tetapi juga memupuk kecintaan terhadap kalam Allah agar tiada yang tertinggal dalam mengecap nur hidayah.



Projek Kelas Mengaji ditambahkan dalam program 3M CSV sesi 2024/2025, dengan dimulakan di 3 lokasi utama Al-Biruni Lzs terlebih dahulu sebagai permulaan program Kelas Mengaji. 3 Lokasi tersebut adalah:

- Al-Biruni Tanjung Karang
- Al-Biruni Puchong
- Al-Biruni Desa Mentari

Kumpulan sasaran Projek Kelas Mengaji ini adalah seramai 100 peserta dari kalangan anak-anak Asnaf dan B40. Peserta Projek Kelas

Mengaji dibimbing oleh tenaga pengajar khusus untuk kelas mengaji.

Projek Kelas Mengaji ini akan dilaksanakan **selama 12 bulan** iaitu sesi kelas akan mengambil masa selama **2 jam** tempoh bimbingan. Kelas akan dilaksanakan **3 kali sesi seminggu**. Modul yang akan digunakan dalam Projek Kelas Mengaji adalah Modul Iqra'.

# Projek CAS (*Clean, Accessible & Sustainable*)

LZS telah membina tujuh unit tandas bersama-sama dengan bilik air dua pintu untuk kemudahan tandas yang bersih, selamat dan sanitasi yang berkualiti. Kemudahan ini dibina untuk meningkatkan keselesaan dan meningkatkan kualiti serta taraf hidup kawasan luar bandar.

Sebagai menyokong matlamat kelestarian LZS dalam meminimumkan impak terhadap alam sekitar dan inisiatif kecekapan tenaga, projek pembinaan tandas ini telah menggabungkan kemampuan dalam reka bentuknya:



1. Menggunakan sistem pencahayaan Lampu Solar LED yang beroperasi tanpa bekalan elektrik konvensional, sepenuhnya bergantung kepada tenaga matahari, serta dilengkapi dengan panel solar, sistem bateri simpanan tenaga dan sensor automatik untuk pengoperasian siang dan malam.
2. Menggunakan pencahayaan semula jadi dengan bumbung lutsinar polikarbonat untuk mengoptimalkan cahaya siang dan mengurangkan keperluan pencahayaan elektrik.
3. Projek ini menyediakan akses kepada sumber air bersih bagi penduduk tempatan untuk meningkatkan kualiti kehidupan yang sihat.

Projek ini telah berjaya membina 14 kemudahan asas di tujuh lokasi di sekitar Kampung Orang Asli Songkok, Batang Kali, Hulu Selangor, memanfaatkan lebih 100 penduduk daripada 30 keluarga. Pembinaan kemudahan ini bukan sahaja memenuhi keperluan sanitasi yang lebih bersih dan selesa tetapi juga menjamin kesejahteraan dan kesihatan masyarakat.

# Sorotan 2024

Sepanjang tahun 2024, Lzs terus mengorak langkah dalam menunaikan amanah masyarakat dengan keazaman yang tinggi. Pelbagai inisiatif kutipan dan agihan telah dilaksanakan secara sistematik, mencerminkan keprihatinan dan kecekapan pengurusan perkongsian zakat.





JANUARI

## 413 Panel farmasi mudahkan penerima bantuan perubatan Lzs

SELANGOR, 29 Januari 2024 - Lzs telah melantik 413 panel farmasi di seluruh negeri Selangor. Tujuan pelantikan ini adalah untuk memudahkan penerima bantuan perubatan (asnaf) mendapatkan bekalan keperluan perubatan dengan lebih mudah dan cepat.

Pemilihan panel farmasi dibuat berdasarkan kemampuan mereka membekalkan ubat-ubatan kepada asnaf serta memenuhi syarat kelayakan, termasuk lesen operasi dan kebenaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



FEBUARI

## Lzs sediakan persiapan persekolahan anak-anak asnaf fakir & miskin serta mualaf

HULU LANGAT, 8 Februari 2024 - Lzs menyediakan peruntukan agihan zakat sebanyak RM33,414,415 juta bagi membiayai persiapan persekolahan 70,283 anak asnaf fakir, miskin dan mualaf sesi 2024.

Ia meliputi semua peringkat umur pelajar iaitu prasekolah seramai 1,235 orang, Sekolah Rendah Kebangsaan / Sekolah Rendah Agama (32,708 orang), Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Agama (36,340 orang).



MAC

## LZS peruntukan RM1.49 juta sumbangan van

SHAH ALAM, 15 Mac 2024 - LZS telah memperuntukkan sebanyak RM1,495,000.00 bagi pembekalan 10 buah van jenazah kepada masjid terpilih di Selangor dalam satu majlis penyerahan kunci yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Mohd Sabirin Mohd Sarbini.

Sumbangan ini merupakan bantuan zakat di bawah asnaf fisabilillah, bertujuan memudahkan pengurusan jenazah khususnya di masjid yang tidak mempunyai kemudahan kenderaan, terutamanya di kawasan luar bandar dengan bilangan kariah yang tinggi.



MAC

## Sultan Selangor lancarkan Sambutan Jubli Mutiara LZS

SHAH ALAM, 13 Mac 2024 – Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj telah berkenan melancarkan Sambutan Jubli Mutiara sempena Ulang Tahun Ke-30 LZS, menandakan tiga dekad kecemerlangan LZS dalam pengurusan zakat di negeri Selangor.

Sejak ditubuhkan, LZS telah melalui pelbagai evolusi demi memperkuuh peranannya sebagai institusi yang memudahkan urusan pengeluar zakat dan menyantuni asnaf, selaras dengan matlamat menyediakan perkhidmatan kutipan dan agihan zakat yang cekap, telus dan berkesan.



APRIL

## Delegasi Qatar kunjungi institusi zakat: Dalami pengurusan zakat Malaysia

KUALA LUMPUR, 23 April 2024 - Seramai 10 pegawai tertinggi dari Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam, Kerajaan Qatar telah mengadakan lawatan ke institusi zakat di Malaysia bagi bertukar pandangan serta berkongsi pengalaman berkaitan pengurusan zakat.

Dalam kunjungan tersebut, delegasi telah diberi taklimat perkongsian pengalaman LZS yang menekankan aspek keperluan beradaptasi dengan teknologi untuk memastikan keperluan asnaf dapat dipenuhi melalui agihan zakat yang efektif dan kutipan zakat dapat dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa bagi menyantuni lebih ramai asnaf.



MEI

## LZS rai rakan strategik bantu kutipan dan agihan zakat Selangor

SHAH ALAM, 14 Mei 2024 - LZS telah mengadakan Majlis Gemerlap Rakan Strategik Zakat Selangor (GRASIAZ) 2024 bagi meraikan dan menghargai sumbangan ejen dan majikan yang menjadi rakan strategik dalam memperkasa urusan kutipan dan agihan zakat di Selangor.

Pengiktirafan ini melibatkan ejen syarikat, firma audit dan cukai, bank, pos, penolong amil IPT dan IPIS, serta majikan yang membuat bayaran zakat menerusi potongan gaji, sebagai penghargaan atas komitmen mereka membantu melaksanakan agenda ummah bersama LZS.



MEI

## Meneroka inisiatif ESG bersama Lzs

Lzs terus mengorak langkah sebagai peneraju dalam inisiatif kelestarian dengan mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam setiap aspek operasinya. Sejak penubuhannya, Lzs telah menunjukkan komitmen berterusan dalam memperkuuh nilai-nilai kelestarian demi manfaat ummah dan masa depan yang mampu.

Pendekatan ini telah didokumentasikan secara menyeluruh dalam Laporan Kelestarian 2023, yang menampilkan pelbagai inisiatif lestari serta impak positif yang dicapai sepanjang tahun.

JULAI

## Muzarakah Zakat Nusantara platform rujukan institusi zakat rantau asia tenggara

SHAH ALAM, 2 Julai 2024 - Muzakarah Zakat Nusantara (MZN) kali kedua anjuran Lzs dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berlangsung dengan jayanya sempena sambutan Jubli Mutiara Ke-30 Lzs.

Disertai lebih 250 peserta dari lima negara Asia Tenggara - Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei - MZN diiktiraf sebagai platform rujukan berwibawa dalam merungkai isu zakat serta mencetuskan inovasi baharu, menurut Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof dalam ucapan perasmian beliau.





OGOS

## LZS, MEDKAD meterai kerjasama mudahkan proses bantuan zakat

SHAH ALAM, 6 Ogos 2024 – LZS telah memeterai perjanjian kerjasama dengan MEDKAD Sdn. Bhd. bagi memperkenalkan Sistem Bantuan Perubatan Elektronik (Al-Amal), satu inisiatif digital yang bakal mempertingkatkan kecekapan pengurusan bantuan perubatan zakat.

Al-Amal merupakan sistem inovatif yang dibangunkan oleh MEDKAD untuk menguruskan perkhidmatan kesihatan secara digital. Melalui sistem ini, proses permohonan dan akses kepada bantuan perubatan untuk asnaf dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, mudah dan berkesan.

SEPTEMBER

## Karnival Zakat Selangor: Platform dekati komuniti

SHAH ALAM, 28 September 2024 – Karnival Zakat Selangor 2024 anjuran LZS membuka tirai hari ini bertempat di Dataran Karnival Stadium Shah Alam, menjadi platform strategik untuk mendekati komuniti dan memperkuuh kesedaran zakat melalui pelbagai aktiviti menarik bersempena dengan sambutan Jubli Mutiara ke-30 LZS.



OKTOBER

## LZS hargai sumbangan 2,000 penolong amil Selangor

SHAH ALAM – LZS telah menghargai komitmen lebih 2,000 penolong amil yang memainkan peranan penting dalam memudahkan urusan pengeluar zakat serta menyantuni golongan asnaf menerusi Majlis Anugerah Ketua dan Penolong Amil Negeri Selangor 2023.

Majlis penghargaan ini diadakan di sembilan daerah bermula di Klang dan berakhir di Hulu Langat, sebagai tanda pengiktirafan terhadap jasa dan peranan penolong amil di seluruh negeri Selangor.



NOVEMBER

## Sukar elak miskin bandar

SHAH ALAM - Fenomena kemiskinan bandar suatu perkara yang sukar dielakkan meskipun kutipan zakat negeri meningkat saban tahun.

Berdasarkan statistik direkodkan LZS, seramai 42,700 bersamaan 61 peratus golongan asnaf fakir dan miskin di Selangor dikategorikan sebagai miskin bandar terutamanya di empat daerah iaitu Petaling, Klang, Gombak serta Hulu Langat.

DISEMBER

## Kutipan dan agihan zakat bangunkan sosial & ekonomi Selangor

